

"INI semua memerlukan pengurusan. Tanpa pengurusan yang baik, semuanya boleh bercelaru dan kucar-kacir. Wang banyak pun tidak akan dapat menjamin apa-apa, jika ianya tidak diurus dengan betul, seperti orang berbelanja dengan boros dan membazir. Kerana itulah budaya berjimat dan menyimpan adalah amat mustahak bagi semua orang."  
- Titah Sempena Hari Keputeraan Yang Ke-67 Tahun.



# Pelita BRUNEI

قَلْبِ بَرُونِي

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"ADAKAH manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata : Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji?"  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah AL-'Ankabut, ayat 2.

Waktu Sembahyang

|       |       |        |      |       |      |         |       |
|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 4.52  | 5.02  | 6.19   | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29    | 7.38  |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 40

2 APRIL 2018 / 15 رجب 1439

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## Kebawah DYMM berkenan utus takziah kepada Presiden Persekutuan Rusia

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 31 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan takziah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan

Yang Terutama Vladimir Putin, kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia berikutan dengan tragedi kebakaran di sebuah pasaraya yang berlaku di Bandaraya Kemerovo, Rusia. Dalam titah perutusan,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa sedih mengetahui tentang kehilangan nyawa dan kecederaan berikutan dengan tragedi berkenaan. Baginda dan kerajaan serta rakyat Negara Brunei

Darussalam seterusnya menyampaikan ucapan takziah yang mendalam kepada kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia, terutama sekali kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi itu.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyempurnakan bantuan kepada para mangsa banjir bagi Daerah Temburong.

## Mangsa banjir Daerah Temburong terima bantuan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**TEMBURONG,** Sabtu, 31 Mac. - Kejadian hujan lebat yang berlaku secara berterusan pada awal bulan Disember 2017 telah mengakibatkan banjir kilat sehingga menyebabkan terputusnya hubungan jalan raya dan kerosakan rumah di 23 buah kampung di daerah ini. Mukim-mukim yang terjejas ialah Mukim Bangar, Mukim Amo, Mukim Bokok dan Mukim Batu Apoi. Sehubungan itu, bagi meringankan beban mangsa-mangsa tersebut, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan kepada 200 mangsa yang terjejas telah diadakan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, di sini.

Ke muka 5

## Doa Qunut memohon keberkatan awal pagi

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 April. - Menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah adalah seumpama mereka yang bangun beribadah sepanjang malam.

Dalam sembahyang fardu lima kali sehari semalam hanya dalam Sembahyang Fardu Subuh terdapat di dalamnya bacaan doa yang dinamakan Doa Qunut. Isi kandungan Doa Qunut tersebut

merupakan permohonan kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang amat komprehensif merangkumi keperluan manusia sepanjang hari.

Perkara tersebut merupakan antara perincian yang dikongsikan pada Tazkirah Subuh bertajuk 'Berkat di awal pagi' yang disampaikan oleh Da'ie Bertaualiah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Abdul

Basit bin Pengiran Haji Zaini di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Ustaz Pengiran Abdul Basit seterusnya menambah, hidayah Allah akan diberikan kepada mereka yang dikehendaki-Nya dan beruntunglah mereka yang diberikan peluang dapat bersujud pada awal pagi serta menadahkan tangan melakukan Doa Qunut dalam Sembahyang Subuhnya.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam  
infodept.bn  
infodept\_bn



Muka 4

KESELAMATAN jalan raya tanggungjawab bersama



Muka 7

PROGRAM Mengkubau Ku Ceria dapat sambutan



# Kepemimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif 'Ulama dan Umara'

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**TERLEBIH** dahulu izinkan saya dan negara saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada kerajaan negeri Perak Darul Ridzuan, khususnya Jabatan Mufti Negeri Perak yang menganjurkan muzakarah bersejarah ini. Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih di atas penghormatan untuk membentangkan Kertas Kerja Utama dalam tajuk yang juga merupakan tema muzakarah, berbunyi: 'Kepemimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif 'Ulama dan Umara'.

Dari sudut kepemimpinan dan kekhalifahan, 'ulama dan umara' memang sama-sama memegang peranan. Kedua-duanya tidak wajar mengambil sikap sendiri-sendiri antara satu dengan yang lain. Dua-dua pihak adalah selamanya terikat atau diikat oleh kepentingan dan keperluan. Oleh itu, adalah salah jika mereka itu berpisah atau ada pihak lain yang memisahkan mereka. Dalam makna, 'ulama dan umara' mesti selamanya duduk bersama, jangan berpisah, kerana jika berpisah, akan berlakulah kepincangan. Mengapa?

Kerana kedua-duanya memang mesti begitu, kekal terikat untuk sama-sama memimpin, mengurus dan mengatur umat. Di tangan merekalah letaknya kebaikan ataupun sebaliknya keburukan untuk kehidupan umat.

Ini bukan lagi teori, tetapi satu kaedah muhtamad menurut siapa yang telah dinobatkan menjadi nabi dan rasul, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bersabda (bermaksud): "Ada dua: Jika dua-dua itu bagus / baik, nescaya bagus dan baiklah umat, sebaliknya jika dua-dua rosak, nescaya rosaklah umat. (Siapa mereka?) iaitulah 'ulama dan umara.'" (Hadis Marfu'riwayat Abu Nuaim dalam al-Hulyah).

Ah ini kepentingan 'ulama dan umara' itu. Dua-dua saling berperanan untuk kepentingan umat. Dari 'ulama, dituntut bimbingan dan nasihat mereka, sementara umara' pula, dituntut untuk melaksanakan nasihat tersebut.

Siapakah 'ulama dan siapa pula umara'?

Kalimat 'ulama telah diungkap oleh Al-Quran dalam Surah asy-Syu'ara, ayat 197 yang tafsirnya: "Tidaklah jadi satu bukti kepada mereka bahawa 'ulama Bani Israel, sebenarnya sudah lebih awal mengetahui akan kebenaran kitab suci Al-Quran."

Surah Faathir, ayat 28 yang tafsirnya: "Orang yang sebenar-benar takut kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya ialah 'ulama."



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa membentangkan Kertas Kerja Utama Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah pada Isnin, 10 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan 26 Februari 2018 Masihi bertempat di Amanjaya Convention Centre, Casuarina @ Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh Perak.

Manakala umara' pula, dari kata 'amir' juga sama-sama terungkap dalam Al-Quran melalui ungkapan Ulil Amri. Berfirman Allah Ta'ala di dalam Surah an-Nisaa, ayat 59 yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul serta kepada Ulil Amri dari kalangan kamu."

Siapakah Ulil Amri atau umara' itu? Menurut al-Qurthubi Rahimahullah, Ulil Amri ialah para penguasa. (Lihat Jame' al-Bayaan, 8:502). Sementara Ibn Katsir Rahimahullah pula: Ulil Amri adalah merangkumi setiap orang yang mempunyai urusan selaku penguasa dan 'ulama. (Lihat Tafsir Al-Quran al-'Azhim, 2:345). Manakala Imam An-Nawawi Rahimahullah dalam Syarah Shahih Muslimnya berpendapat: Ulil Amri ialah pemimpin dan penguasa yang diwajibkan oleh Allah untuk ditaati. Inilah pendapat kebanyakan 'ulama salaf dan khilaf dari kalangan para ahli tafsir dan fiqh.

Jadi tidak diragukan lagi, kepemimpinan dan kekhalifahan adalah memang gagasan konstruktif 'ulama dan umara'.

Inilah yang asal dalam sejarah. Waliul Amri atau Ulil Amri itu, ia juga dipanggil

khalifah, seperti Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, Khalifah 'Umar bin al-Khathab, Khalifah 'Usman bin 'Affan, Khalifah 'Ali bin Abi Thalib, Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz Radhiallahu 'Anhum dan lain-lain. Malah mereka ini juga sekali gus adalah 'ulama. Mereka memimpin dan mentadbir negara dan umat menurut hukum syariah. Dan adalah kepemimpinan mereka juga turut digilap sama oleh para sahabat atau para 'ulama yang mengelilingi mereka.

Tetapi dengan beredarnya masa, perkara ini kemudian berubah. Ilmu syariah dan amalinya sedikit demi sedikit mula terpisah daripada menara kekhalifahan atau kepemimpinan para umara', terutamanya selepas pecahnya pemerintahan Islam kepada beberapa pemerintahan pada awal Abad Ke-4 Hijrah. (Muhammad Sa'id al-'Asymawi, al-Khalifah al-Islamiah, ms. 26.)

Para 'ulama hanya dianggap untuk memberi fatwa atau nasihat sahaja bilamana dikehendaki. Bahkan lebih malang lagi, pada akhirnya, mereka itu benar-benar terpisah daripada menara kepemimpinan para umara'.

Maka jadilah para 'ulama itu hanya berperanan di masjid-masjid atau di sekolah-sekolah sahaja selaku tenaga pengajar atau pendakwah. Itu sahaja.

Malah, zaman terus mencatat sejarah hitamnya apabila para umara' mengisytiharkan permusuhan mereka terhadap 'ulama. Di antara bentuk permusuhan itu ialah memberi amaran kepada 'ulama, supaya tidak payah mencampuri urusan hal ehwal kehidupan umat. Tetapi Allah tetap sahaja memelihara syiar agama-Nya, di mana 'ulama adalah sebahagian daripada syiar tersebut, dan selaku syiar, ia mesti terus unggul, hebat dan tidak boleh lembik. Lalu dengan kehendak Allah jua, masih adalah juga para 'ulama yang berhati singa, yang berani kerana benar dan sanggup tampil untuk membetulkan yang bengkok dan mencegah mungkar, walaupun risikonya sangat tinggi, memungkinan mereka itu untuk diseksa atau dipenjarakan atau dibuang negeri dan bahkan ada juga yang dibunuh.

Kita sebutkan satu contoh di sini, al-Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah, Imam Mazhab Hambali, kerana tidak sependapat dengan pemerintah atau penguasa di zamannya, beliau itu sampai dipenjarakan dan dipukul. Pukulan pula bukan calang-calang pukul, dan yang memukul juga bukan seorang tetapi ramai. Salah seorang daripada tukang-tukang pukul ini dinukil berkata: "Aku seorang sahaja memukul Ahmad ada sebanyak 80 kali pukulan. Kalau aku memukul gajah, dengan sekali pukul sahaja, nescaya gajah itu akan mati." (Dr. Muhammad Naghasy, Zikr Mihnah, Ahmad bin Hanbal, 9-12).

Ke muka 12

Dari Sidang  
Pengarang.

2 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 رجب 15

## JANGAN ABAIKAN ASPEK KESELAMATAN

**A**PABILA tiba musim perayaan ataupun cuti-cuti panjang sudah tentu ramai yang mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halaman atau melancong. Oleh itu, bagi mereka yang akan meninggalkan rumah masing-masing sewajarnya mengambil beberapa langkah supaya kediaman mereka bebas daripada segala kejadian yang tidak diinginkan berlaku seperti kebakaran. Kebakaran yang terjadi bukan sahaja mengakibatkan kerugian dan kemusnahan harta benda bahkan juga boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) baru-baru ini ada merekodkan tentang penyebab utama kebakaran di rumah dan bangunan, yang mana antara penyebab berlakunya kebakaran ialah disebabkan oleh kelalaian dan berpunca daripada kebakaran elektrik seperti lebih beban, kepanasan yang berlebihan, litar pintas, penyambungan yang longgar, pendawaian yang usang, masakan yang ditinggalkan, membakar harta benda dengan sengaja, kanak-kanak bermain mancis ataupun api dan api puntung rokok yang dibuang di merata tempat dan sebagainya.

Sehubungan itu, JBP memberi saranan tentang kepentingan mengenai keselamatan kebakaran dan tip keselamatan. Antaranya ialah dengan membuat senarai semak setiap kali sebelum meninggalkan rumah, iaitu segala peralatan elektrik yang tidak diperlukan hendaklah dimatikan, kepala gas memasak hendaklah ditutup atau ditanggalkan dan jika meninggalkan rumah pula, keluarga atau jiran yang terdekat hendaklah dimaklumi.

Sementara bagi orang awam yang ingin mengendalikan aktiviti riadah di pantai, beberapa aspek keselamatan perlu diambil perhatian seperti tidak berenang ketika keadaan cuaca buruk atau berombak serta berurus kuat, tidak membiarkan anak-anak berenang tanpa diawasi, mengelakkan berenang bersendirian dan dalam keadaan ragu ataupun berasa kurang sihat. Orang ramai juga hendaklah mengambil langkah waspada dengan mengetahui dan mengikuti keadaan cuaca dari semasa ke semasa untuk keselamatan dan jangan berenang terlalu jauh dari pesisiran pantai dan pastikan awda tahu akan had kemampuan serta jika ternampak orang lemas meminta pertolongan pastikan awda mempunyai jaket keselamatan sebelum bertindak untuk menyelamatkan mangsa.

Menyentuh mengenai aspek keselamatan semasa aktiviti mencabar dan berisiko seperti jungle tracking, para pendaki disarankan supaya tidak mendaki dan meredah bukit ketika cuaca hujan kerana laluan yang ada akan menjadi licin dan membahayakan. Pendaki juga dinasihatkan supaya tidak masuk atau meredah bukit ketika keadaan cuaca sudah gelap, jangan meredah bukit atau kawasan yang tidak dikenal pasti laluannya dan tidak pergi terlalu jauh ke dalam hutan.

Sebagai pendaki, mereka disarankan supaya membawa air, wisel untuk memberikan perhatian atau telefon bimbit yang boleh digunakan untuk meminta pertolongan jika mendapat sebarang kecederaan atau kemalangan.

Selain memastikan tahap kesihatan awda dalam keadaan yang memuaskan, awda juga diingatkan supaya tidak mendaki dan meredah bukit seorang diri dan maklumkan kepada keluarga atau kawan tempat riadah yang dituju.

Oleh yang demikian, JBP menyarankan supaya amalan keselamatan di rumah atau semasa mengendalikan aktiviti beriadah di luar perlu dititikberatkan. Dengan perancangan yang rapi kita tidak perlu bimbang tentang keselamatan rumah apabila pulang bercuti ke kampung atau melancong ke mana-mana lokasi menarik. Malah melalui langkah-langkah keselamatan yang diambil ini akan membuatkan percutian kita akan lebih selesa dan tenteram. - Ketua Penyuntingan PB (Hs).

**RAMALAN CUACA 3 HARI**

| ISNIN                      | SELASA         | RABU           |
|----------------------------|----------------|----------------|
| <b>BANDAR SERI BEGAWAN</b> |                |                |
| 32<br>25<br>°C             | 32<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| <b>PEKAN BANGAR</b>        |                |                |
| 31<br>25<br>°C             | 31<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| <b>PEKAN TUTONG</b>        |                |                |
| 32<br>25<br>°C             | 32<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |
| <b>KUALA BELAIT</b>        |                |                |
| 32<br>25<br>°C             | 32<br>25<br>°C | 31<br>25<br>°C |

Wallahualam Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App

Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

114

**WAKTU SEMBAHYANG**

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

| Masihi APRIL | HARI   | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------------|--------|--------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 2            | ISNIN  | 15           | 4.52  | 5.02  | 6.19   | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29    | 7.38  |
| 3            | SELASA | 16           | 4.51  | 5.01  | 6.19   | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29    | 7.38  |
| 4            | RABU   | 17           | 4.51  | 5.01  | 6.18   | 6.40 | 12.24 | 3.26 | 6.29    | 7.38  |
| 5            | KHAMIS | 18           | 4.50  | 5.00  | 6.18   | 6.40 | 12.24 | 3.26 | 6.29    | 7.38  |
| 6            | JUMAAT | 19           | 4.50  | 5.00  | 6.17   | 6.40 | 12.24 | 3.27 | 6.28    | 7.38  |
| 7            | SABTU  | 20           | 4.49  | 4.59  | 6.17   | 6.39 | 12.24 | 3.27 | 6.28    | 7.38  |
| 8            | AHAD   | 21           | 4.49  | 4.59  | 6.16   | 6.39 | 12.23 | 3.27 | 6.28    | 7.38  |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123 | NDMC 2380214



# Doa Qunut memohon keberkatan awal pagi



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (empat, kiri) semasa hadir bersama-sama jemaah mendengarkan Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Abdul Basit bin Pengiran Haji Zaini.

## Dari muka 1

Beliau seterusnya mengongsikan antara keistimewaan Doa Qunut tersebut iaitu memohon kepada Allah pada awal pagi bagi keberkatan dalam kehidupan iaitu berkat dalam umur kehidupan, keberkatan rezeki, keturunan iaitu anak-anak yang soleh.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin

Haji Taja'ah.

Turut sama menyerikan program ini ialah Pejabat Menteri, Jabatan Pentadbiran, MUIB, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Urusan Haji dan Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu

## Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat merupakan

sebuah program bagi sama-sama mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah pada awal waktu di masjid.

# Bekam sembuhkan penyakit



TAZKIRAH Subuh bertajuk 'Bekam Itu Sunnah' disampaikan oleh Pegawai Ugama, Darussalam Holdings, Awang Haji Adi Aismat bin Lamat (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada tazkirah berkenaan ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (dua, kiri) dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong (tiga, kiri).

TUTONG, Ahad, 1 April. - Bekam adalah salah satu sunnah dan ia merupakan perbuatan yang terbaik sepertimana menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara tersebut antara yang terkandung dalam Tazkirah Subuh 'Bekam Itu Sunnah' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Darussalam Holdings, Awang Haji Adi Aismat bin Lamat sempena

acara 'Tutongku Ceria' pada majlis yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Awang Haji Adi Aismat menjelaskan kaedah bekam dapat mengeluarkan darah yang kotor daripada tubuh badan kita atau pelbagai jenis penyakit boleh disembuhkan dan dikurangkan melalui berbekam.

Antara penyakit tersebut seperti

migrain, sakit kepala, kencing manis, kolestrol dan sebagainya.

Menurutnya lagi, ketika Rasulullah dimikrajkan ke langit, para malaikat memberitahu kepada Baginda Rasulullah bahawa berbekam itu mengandungi banyak kebaikan.

Selain itu, katanya, bekam ini juga jika digabungkan dengan bacaan ayat suci Al-Quran, insyaaAllah kesembuhan akan

## Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

datang dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara yang hadir pada tazkirah berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul

Wahab bin Apong, pegawai kanan kerajaan dan jemaah masjid serta penduduk sekitarnya.

Terdahulu sebelum tazkirah, para hadirin menunaikan Sembahyang Subuh Berjemaah.



# Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) semasa hadir bagi sama-sama memeriahkan acara KBku Ceria (kiri). Sementara gambar kanan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa mengagihkan risalah-risalah keselamatan.

## Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**KUALA BELAIT**, Ahad, 1 April. - Sebagai sebahagian daripada usaha dalam membarigakan keselamatan jalan raya, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah turut serta dalam acara Kuala Belaitku Ceria (KBku Ceria) yang diadakan di Taman Jubli Perak.

Hadir selaku Duta-Duta Pembarigaaan MKKJR dan seterusnya mengedarkan risalah-risalah keselamatan bertajuk 'Share the Road : Responsibility for All' ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Ketua Eksekutif Persatuan Insurans dan Takaful (BITA), Awang Haji Osman bin Haji Md. Jair serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Belait.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan acara KBku Ceria pagi ini ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi MKKJR; Setiausaha Tetap Kementerian

Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad selaku Ahli MKKJR; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi selaku Setiausaha MKKJR beserta pegawai dan kakitangan Urus Setia MKKR dan Kementerian Perhubungan.

Risalah tersebut mengandungi nasihat-nasihat yang jelas mengenai tanggungjawab pengguna jalan raya khususnya pemandu kenderaan, penunggang basikal dan pelari di jalan raya serta tatacara yang betul apabila berada di jalan raya.

Nasihat ini juga ditujukan kepada pemandu-pemandu kenderaan untuk mengurangkan kelajuan ketika menghampiri penunggang basikal, pejalan kaki dan pelari, bersikap bertimbang rasa serta berwaspada ketika berada di persimpangan jalan serta memberi jarak minimum sejauh 1.5 meter kepada penunggang basikal, pejalan kaki dan pelari apabila mereka melintasi jalan

raya. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Sisatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei, sebanyak enam kes kemalangan telah pun dicatatkan sepanjang bulan Januari hingga Mac 2018 yang meragut enam nyawa termasuk yang melibatkan dua pejalan kaki, dua motosikal dan dua kenderaan.

Dalam perkara ini, MKKJR ingin memberi penekanan serius dan menasihatkan penunggang-penunggang basikal, pelari dan pejalan kaki untuk sentiasa berwaspada dan lebih berhati-hati serta sentiasa peka bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Bagi orang ramai yang baru berjinak-jinak dengan aktiviti berbasikal adalah dinasihatkan untuk melakukannya di kawasan yang dikhaskan seperti Bandarku Ceria atau kawasan yang selamat untuk berbasikal di samping digalakkan untuk mengikuti Klinik

Basikal. Yang Berhormat Awang Iswandy semasa ditemui menyarankan kepada orang ramai khususnya belia-belia untuk sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab serta berhemah semasa memandu di jalan raya.

"Kita khususnya belia-belia muda di negara ini perlu berhati-hati dan tidak memandu melebihi had laju serta tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu di jalan raya bagi memastikan keselamatan diri dan penumpang sentiasa terjaga," jelasnya.

Manakala Awang Haji Osman pula menekankan mengenai kepentingan para pengguna jalan raya memahami peri mustahaknya perlindungan insurans, memahami Tatacara Tuntutan Kenderaan Bermotor (Motor Claims Guidelines) bagi kemalangan yang tidak serius secara cekap dan berkesan mengikut garis panduan yang diberikan.

## Seorang penunggang motosikal maut

### Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Ahad, 1 April. - Kejadian kemalangan jalan raya yang berlaku pagi tadi telah meragut nyawa seorang lelaki warga tempatan, Awang Md. Amir Husni bin Barahan berusia 31 tahun.

Menurut Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Pasukan Balai Polis Tutong telah menerima panggilan kecemasan hari ini menerusi talian 993 sekitar jam 6.30 pagi.

Mangsa iaitu penunggang motosikal didapati dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Kejadian tersebut berlaku di kawasan Km 68.4 Lebuhraya Tutong - Seria, Tutong.

Mangsa penunggang motosikal telah mengalami kecederaan serius lalu dikejarkan ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong bagi rawatan segera dan kemudiannya disahkan meninggal dunia manakala punca kemalangan masih dalam siasatan.

Justeru itu, PDB menggesa dan menasihatkan para penunggang motosikal supaya lebih berhati-hati apabila menunggang motosikal semasa waktu hujan dan semasa meredah laluan air bertakung dan dinasihatkan agar menunggang dengan perlahan kerana percikan air secara tidak langsung boleh menyebabkan hilang kawalan dan menyebabkan kemalangan berlaku.



MOTOSIKAL yang dipercayai milik mangsa terhumban di bahu jalan di tempat kejadian.

## Forum dedahkan pelbagai aspek kepimpinan



ANTARA panel forum terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman (dua, kiri) dan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii (dua, kanan).

### Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 April. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) telah menganjurkan Program Kepimpinan Kedua bertajuk 'Eunoia-Conversation with Leaders' dengan membawa tema 'Supporting Sustainable Development Goals (SDGs)' bersempena Hari Kebangsaan Ke-34.

Program ini bertujuan untuk menjana kepimpinan serta mengasah semangat belia ke arah mencapai SDGs yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada masa yang sama menyelaraskan

dengan Wawasan Brunei 2035.

Program tersebut menjemput para panel forum yang terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii serta Pegawai Pentadbir Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Azizul Azri bin Haji Majit yang juga merupakan wakil Alumni Chevening 2016 / 2017 dengan dipengerusikan oleh Dayang Siti Nurulyaziidah binti Haji Abd. Aziz.

Melalui forum tersebut, para peserta didedahkan kepada pelbagai aspek kepimpinan dari sudut pandangan yang berbeza.

Program tersebut kemudian

diteruskan dengan sesi bengkel dan perkongsian yang menekankan kepentingan peranan belia dalam masyarakat.

Sementara itu, Awang Subandi bin Kamis yang merupakan salah seorang pengasas ASEAN Network of Chevening Alumni dan ahli ExCo Chevening Alumni Brunei juga membentangkan tajuk SDGs di rantau ASEAN.

Beliau menerangkan bagaimana belia Brunei boleh menjadi belia yang berdaya tahan dan *future-fit* untuk menghadapi perubahan persekitaran.

Persatuan KESAN berharap para peserta boleh menjadi pemimpin yang proaktif dan dinamik yang mempunyai sifat-sifat mulia dan berkesesuaian menerusi pembentukan diri serta sukarelawan.



# Mangsa banjir Daerah Temburong terima bantuan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan bantuan kepada salah seorang mangsa banjir.

## Dari muka 1

Hadir menyempurnakan penyerahan bantuan kewangan kerajaan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian

Kebudayaan Belia dan Sukan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, pegawai-pegawai kanan di KKBS dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta para penghulu dan ketua kampung daripada

kawasan-kawasan terjejas.

Semasa kejadian banjir tersebut, pihak JAPEM juga telah memberikan bantuan berupa makanan tersedia (*packed meals*) dan catuan makanan kepada mangsa-mangsa banjir.

Diharapkan bantuan kewangan kerajaan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa terjejas untuk memulakan kehidupan seperti sedia kala.

Antara rumah yang terjejas ialah milik Awang Mohd. Tahir bin Norsahbudin yang tinggal bersama isterinya Dayang Zuraidah binti Haji Aliamat berserta dua orang anak mereka di Kampung Simbatang, Jalan Penderuan Tamada.

Semasa ditemui oleh Pelita Brunei pada majlis tersebut, Dayang Zuraidah mengongsikan detik kejadian banjir yang menjejaskan lantai bawah rumah dua tingkat mereka di mana air telah naik sehingga ke paras pinggang.

Menurutnya, air mula naik sekitar waktu Subuh dan mereka terpaksa memungkah mana-mana barangan yang sempat diselamatkan walaupun ada buku-buku sekolah anak beliau yang tidak sempat diselamatkan.

Dengan bantuan kewangan dari pihak kerajaan ini tambahnya sedikit sebanyak dapat membantu beliau sekeluarga untuk menjalani

Oleh : Hjh Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

kehidupan seterusnya.

Seorang lagi mangsa dari Kampung Bakurut Bokok, Awang Haji Mamit bin Haji Bahar menceritakan bahawa kejadian banjir yang baru lalu merupakan kejadian banjir teruk kali ketiga yang dihadapi oleh beliau sekeluarga sejak mendiami rumah mereka lebih 40 tahun.

Semasa kejadian tersebut jelasnya, air hanya mulai surut

setelah dua hari selepas hujan turun berlarutan dan mereka turut menerima bantuan daripada pihak JAPEM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Alhamdulillah, saya bersyukur atas bantuan daripada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat prihatin akan kebajikan rakyat terutamanya mangsa-mangsa ditimpa bencana banjir," ujar beliau.



DAYANG Zuraidah binti Haji Aliamat dari Kampung Simbatang sangat bersyukur atas bantuan kerajaan kepada beliau (kiri). Manakala gambar kanan, Awang Haji Mamit bin Haji Bahar dari Kampung Bakurut Bokok semasa menceritakan keadaan di kampung beliau.

# Galakkan cara hidup sihat



AHLI-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (dua, kiri), Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong (tiga, kiri) dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit (kiri) antara yang hadir menyertai aktiviti Tutongku Ceria (atas). Manakala gambar atas kanan dan kanan, suasana Pekan Tutong dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti dan disertai oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Ahad, 1 April. - Suasana Pekan Tutong meriah apabila dikunjungi oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk di daerah ini termasuk pengunjung dari daerah lain untuk sama-sama mengikuti aktiviti yang dianjurkan bagi menyokong Tutongku Ceria. Tutongku Ceria yang bermula dari jam 6.00 pagi ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk Acara Kayuhan Santai

mengelilingi Pekan Tutong sejauh 18 kilometer bermula dan berakhir di hadapan Jeti Sungai Tutong.

Selain itu, Tutongku Ceria juga diserikan dengan acara-acara sampingan seperti Pameran Kereta, Motosikal dan kenderaan Pacuan Empat Roda, Cabaran Bola Sepak, River Cruise, Sudut Amal TKC, Jualan Produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Pameran Burung, Jualan Bazar

Orang Ramai serta aktiviti Taichi dan Sukan Ria Keluarga.

Antara yang hadir menyertai beberapa aktiviti di sini ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di daerah ini, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan penduduk di daerah tersebut.

Program hujung minggu ini tentunya dapat mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan serta membuka peluang para Peniaga Kecil dan Sederhana menambahkan ekonomi di samping menggalakkan cara hidup sihat masyarakat di daerah ini.





# Bicara An Nisa tonjolkan Maryam simbol wanita solehah



AHLI Majlis Mesyuarat Adat Istiadat, Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini Datin Paduka Dayang Hajah Aminah binti Haji Yassin hadir selaku tetamu kehormat pada Bicara An-Nisa Sesi Ke-7 'Cinta dan Harapan Kepada Allah'.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

SENGKURONG, Sabtu, 31 Mac. - Kumpulan Belia Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong telah menganjurkan Bicara An-Nisa Sesi Ke-7 'Cinta dan Harapan Kepada Allah'. Hadir selaku tetamu kehormat

pada acara keagamaan yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat, Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini Datin Paduka Dayang Hajah Aminah binti Haji Yassin.

Bicara An-Nisa Sesi Ke-7 kali

ini menampilkan penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong yang menyampaikan ceramah 'Cinta dan Harapan kepada Allah : Belajar daripada Maryam binti Imran'.

Antara inti pati ceramah menyentuh mengenai keistimewaan Maryam adalah satu-satunya wanita yang namanya disebut dalam Al-Quran dan nama dalam satu surah di dalam Al-Quran.

Di samping itu, keistimewaan Maryam juga ia di bawah jagaan / asuhan Nabi Zakaria Alaihisalam.

Beliau menjelaskan Maryam mempunyai kelebihan di zamannya kerana Maryam sentiasa mendapat rahmat dan kasih sayang dari Allah Subhanahu Wata'ala, Maryam juga adalah wanita yang amat mulia dari segi ibadahnya dan sepenuhnya menerima perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya, Maryam juga simbol seorang wanita yang solehah yang menjaga maruahnya.

Bual Bicara An-Nisa itu

dihadiri oleh Muslimah diseluruh tanah air.

Antara lain tujuan acara itu diadakan bagi mengimarahkan masjid sebagai pusat pendidikan bagi para Muslimah khususnya dan masyarakat amnya.



PENCERAMAH dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong ketika menyampaikan ceramah 'Cinta dan Harapan kepada Allah : Belajar daripada Maryam binti Imran'.

# Lapan Pegawai Balai dinaikkan pangkat

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Mac. - Lapan Pegawai Balai dinaikkan pangkat kepada Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat pada Majlis Penyampaian Tanda Pangkat yang berlangsung di Mes Pegawai, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Landasan Terbang Lama, Berakas.

Penyampaian tanda pangkat disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Lapan orang Pegawai Balai yang dinaikkan pangkat menjadi

Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat adalah Pegawai Balai Awang Haji Hassan bin Haji Jamudin; Pegawai Balai Awang Moksini bin Haji Zakaria; Pegawai Balai Awang Muhammad Saifuddin bin Abdullah; Pegawai Balai Pengiran Noor Faridahwati binti Pengiran Seri Maharaja Pengiran Anak Omar Alli; Pegawai Balai Awang Muhammad Ali bin Hassan; Pegawai Balai Dayang Sureini binti Haji Hassan; Pegawai Balai Dayang Nurhalimahtul Halimah binti Abdullah Chin dan Pegawai Balai Awang Mushidee bin

Junaidi.

Pada majlis tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Awang Othman bin Asat.

Juga hadir, Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Lim Hock Guan; penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan JBP.

MAJLIS Penyampaian Tanda Pangkat kepada lapan Pegawai Balai berlangsung di Mes Pegawai, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Landasan Terbang Lama, Berakas (atas dan bawah).





# Program Mengkubau Ku Ceria dapat sambutan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang peserta yang menyertai aktiviti pada Program Mengkubau Ku Ceria (MKC) tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Dr. Awang Haji Zulaidi semasa merasmikan acara Mengkubau Strongest Youth sempena MKC.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUKIM MENTIRI, Ahad, 1 April. - Program Mengkubau Ku Ceria (MKC) terus mendapat sambutan daripada penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau dan juga penyertaan dari kampung-kampung sekitarnya.

Hadir melancarkan MKC pagi tadi ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif. Projek anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN berkenaan bermula kelmarin di Taman Riadah, Bukit

Mengkubau dengan pelbagai pertandingan dan aktiviti sepanjang dua hari ia diadakan.

Objektif program antaranya untuk menjana ekonomi khususnya kalangan para penduduk RPN tersebut dan para pengusaha di negara ini amnya.

Selain itu, program itu diharap dapat memupuk perpaduan warga penduduk dalam membuat perniagaan secara berkelompok sambil beriadah pada hujung minggu.

Bazar Jualan yang diadakan selama dua hari menawarkan beraneka jenis jualan termasuk makanan dan minuman, pakaian dan aksesori, salaian dan sebagainya.

Sesuai dengan musim cuti persekolahan dan waktu bersama keluarga pada hujung minggu, aktiviti lain juga diadakan antaranya Senam Sihat, Walkaton, Mengkubau Strongest Youth dan Arm Wrestling.

Terdahulu, aktiviti keagamaan memulakan program itu dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Hassanal Bolkiah, RPN Mentiri diikuti Kuliah Subuh bertajuk 'Kesihatan Dari Persepsi Islam' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Hamid.

MPK RPN Panchor Mengkubau secara rasminya ditubuhkan pada 29 Mei 2016 dengan tujuan untuk berganding bahu bersama pemimpin akar umbi dalam memajukan kampung.

## Jabatan Penerangan raikan 66 tahun penubuhan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Mac. - Sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-66 Tahun, Majlis Doa Kesyukuran telah diadakan di surau jabatan berkenaan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Hadir sama Pemangku Timbalan

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (tengah) semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-66 Tahun di surau jabatan tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti bacaan Surah Al-Waqiah dan Surah Al-Mulk secara beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan bacaan doa kesyukuran yang dipimpin oleh Awang Md. Hisyam bin Idris, disusuli dengan bacaan Tahlil

serta Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Jabatan Penerangan yang dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952.

la antara lain berperanan sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu terkini, di samping memahami agenda media massa.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ketika hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena memperingati penubuhan jabatan berkenaan (kiri dan kanan).



# Ahli PENJURU terima sijil penghargaan

Oleh :  
Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Sahrizal  
Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 April. - Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) hari ini mengadakan Majlis Penghargaan yang berlangsung di Stadium Restaurant, Berakas di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Di-Pertua PENJURU, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya penyampaian sijil penghargaan kepada ahli-ahlinya yang mengikuti Perbarisan Lalu Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun.

Terdahulu, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, PENJURU adalah sebuah badan profesional khusus untuk para jururawat, bidan dan profesion yang berkaitan dan berdaftar dengan Lembaga Jururawat Brunei.

Menurutnya, PENJURU adalah ahli kepada Commonwealth



**YANG Di-Pertua** Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU), Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil penghargaan kepada ahli-ahli PENJURU (kiri dan kanan).

Nurses and Midwives Federation dan juga ahli kepada International Confederation of Midwives.

"Sebagai ahli telah membolehkan keahliannya memberikan peluang bagi para jururawat dan bidan serta

yang berkaitan dengannya diberikan pengiktirafan di peringkat antarabangsa," jelasnya. Turut hadir, Naib Yang

Di-Pertua, Setiausaha Kehormat PENJURU dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Jururawat.



## LENSA

*Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?*

**BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSAS :**

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Pantai' - Tarikh Tutup : 7 April 2018
- 2) 'Peralatan Untuk Melukis' - Tarikh Tutup : 28 April 2018
- 3) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Tajuk : 'Hobi'.

Keterangan gambar : Hobi berbasikal merupakan satu acara sukan yang mudah, murah, selamat dan efektif untuk menyihatkan tubuh badan pada masa kini.

Kamera : Canon EOS 760D (DSLR), ISO : 250, focal length : 75mm, Aperture f/4.5, shutter speed 1/100 Sec

Nama pemenang : Shariza Rodzimah binti Silau (01-050631)

No.9, Kg. Kiudang, Jln. Mungkom, Tutong, TE1543, Negara Brunei Darussalam.



# Kempen Derma Darah Pra Letop 2018 mendapat sambutan



ANTARA belia yang menyertai Kempen Menderma Darah pada Pra Letop 2018 tersebut.

Berita dan Foto :  
Ihsan Battle Pro MMS

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 31 Mac. - Lebih 30 pengunjung Pra Letop 2018 terdiri daripada para belia telah menyertai Kempen Menderma Darah dari pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang pada 30 Mac. Para penderma juga diberi kupon untuk memenangi hadiah menarik selepas kempen berakhir.

1 Guntingan 1 Senyuman juga kembali dengan menawarkan setiap guntingan rambut daripada para pengunjung, seorang anak yatim akan menerima guntingan rambut percuma sebelum musim

persekolahan bermula.

Aktiviti tersebut dibawakan oleh para belia dari Jambang's Barber Shop dan menerima sambutan positif daripada orang ramai.

Selain aktiviti Pertandingan Mengeja Perkataan (Spelling Bee) bersama Enrich Tutorial dan Pertandingan Azan bersama Al-Huffaz Management, hari ini juga merupakan hari terakhir bagi pencarian pemenang ASEAN Dream Trip dari kempen AkuManang.com

Pra Letop 2018 'Memperkasa

Keusahawanan Belia' telah berlangsung dari 29 Mac 2018 dan akan berakhir pada hari ini.

Dianjurkan oleh Battle Pro Event bagi menyokong lebih 40 usahawan yang mengikuti acara tersebut terutama sekali para usahawan belia dan menolong memantapkan ekonomi negara tetapi juga untuk memeriahkan musim cuti sekolah untuk orang ramai dan memberi anak-anak pilihan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk mengisi masa lapang mereka.

Untuk maklumat lanjut dan info masa kini, sila layari laman Facebook dan Instagram *Battle Pro MMS* dan *AkuManang.com*.

## Pendaftaran PSR dibuka mula 2 April

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 31 Mac. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah membukakan pendaftaran Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2018 bermula pada 2 April hingga 14 Mei nanti.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada setiap Isnin hingga Khamis iaitu pada sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sementara di sebelah petang, mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi pada hari bekerja.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Peperiksaan tidak lewat daripada 14 Mei 2018.

## Sentiasa tingkatkan kewaspadaan di jalan raya

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BENGGURONG,** Sabtu, 31 Mac. - Orang ramai khususnya pengguna jalan raya diingatkan agar sentiasa meningkatkan kewaspadaan di jalan raya serta mengamalkan sikap pemanduan berhemah untuk keselamatan serta kesejahteraan semua pengguna.

Menyemai sikap sentiasa berwaspada bukan sahaja mampu meningkatkan kesedaran para pengguna jalan raya tetapi juga mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Sehubungan itu, dalam pendekatan Pelita Brunei di Kampung Sinarubai, Bengkurong baru-baru ini, Awang Faqihuddin Abdul Qaa'em bin Haji Abd. Razak berpendapat, sebagai pemandu kita hendaklah peka tentang undang-undang dan isu di jalan raya bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Dengan berbuat demikian tambahnya bukan sahaja akan

dapat membantu para pemandu itu sendiri bahkan memberi jaminan keselamatan kepada pemandu jalan raya yang lain.

Hal yang sama turut dipersetujui oleh Awang Mohammad Baihaqi bin Md. Metussin semasa ditemui di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba Gadong.

Menurutnya, sebagai pemandu di jalan raya kita haruslah mempunyai sifat dan sikap bertanggungjawab semasa memandu.

Ini jelasnya akan dapat memberi keselesaan kepada para pemandu yang lain sekali gus isu-isu di jalan raya tidak diabaikan oleh para pemandu jalan raya.

Oleh itu, beliau menyeru para pemandu jalan raya agar mematuhi segala undang-undang di jalan raya dan memastikan kenderaan yang dipandu dalam keadaan baik dan selamat.

**MINDA PEMBACA**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Pupuk Kesedaran Kepentingan Pengurusan Kewangan', Tarikh Tutup : 4 April 2018
- 'Budaya Brunei Warisan dan Khazanah Penting Negara', Tarikh Tutup : 11 April 2018
- 'Bijak Menggunakan Air, Elak Pembaziran', Tarikh Tutup : 18 April 2018

**Terma dan Syarat :**

- Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
pelita.brunei@information.gov.bn

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

Menangi  
**BND75**  
Setiap Minggu



# سرورک دیری

## مغالول دان مناهن دیری درقد ماره

مسلمین یغ درحمتی الله،

ماریله کیت منیعکنکن کتقوان کیت کفد الله سبحانه وتعالی دغن قنوه کیقینن دان کجلاصلن دغن ملاکوکن سکل سوروهتن دان منیعکلکن سکل لاراغتن. مدهمداهن کیت منجادی انسان یغ بریمان دان برتقوی سرت سلامة دنیا دان سلامة داخرة.

مسلمین یغ درحمتی الله،

کهدوفن کیت ددنیا این تیدق ترلفس دری منریما اوجین دان دوکان درقد الله سبحانه وتعالی سمد برنتوق کستغن اتو کسوسهن. اد کلان اوجین یغ دیریکن ایت مموات کیت براس کبیرا دان اد کلان مموات کیت براس ماره دان تیدق تنزام. فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة العنکوت آیه ۲:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿۲﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسیرن:

اداکه مانسی ایت میغکا بهوا مریک اکن دیبارکن دغن هان برکات: کامی تله بریمان، سدغ مریک تیدق داوجی؟.

دالم مغهدای جبارن دان دوکان ترسوت، سبکی اومه اسلام کیت سمستین منجتهوی صفة ۲ ترفوجی دان اخلاق رسول الله صلی الله علیه وسلم سفرت برصقة له لبوت، فماعف، صبر، تیدق موده ماره دان سبکیکن. فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة القلم آیه ۴:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقِي عَظِيمٍ ﴿۴﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسیرن:

دان سسغوهن اغکو بنر ۲ مفویای اخلاق یغ ساعة ملیا.

مسلمین یغ درحمتی الله،

ساله ساتو صفة یغ دانجورکن کیت اتوق منجوهین ایاله صفة ماره. صفة ماره ایاله براس فانس هاتی کران سسوات سبب یغ ترنتو سفرت ترسیغکو فانس، دهینا، دتیقو، دجرا، دفته دان ساومقامن. تیدق دنایکن بهوا دالم ستیف دیری مانسی فسني اد صفة ماره، نامون کمارهن ایت قولوله دکاول دان اد باتسنن. ادقون اتارا فونجا ۲ یغ مبیکن صفة ماره ایت تجادی اداله:

فرتام- صفة عجب، ربایه دان تکبر دالم دیری سسورغ یغ مراسکن دیرین لیه هیبت دان لیه ملیا درقد اورغ لاین.

کلوا- فرتفکارن اتو فریلاهن کران سسوات فرکارا یغ کادغ ۲ فونجان اداله کجیل سهاج.

کیتک- براس دیرین دظالمی، دخیانی، دفرکجیلکن دان سبکیکن.

کامفة- برکوراو یغ مملقوای حد دان باتسنن. برکوراو یغ قد اولن دغن فرتاتان تنافی اخیرن ممباوا کفد ماکی هامون، منجایی، منجلا دان فوکول موکول دان سبکیکن.

کلیم- لیده یغ تیدق دکاول دغن بایک سهیغک مغلوارکن کات ۲ یغ میغکو فانس اورغ لاین دان بوله منیبولکن کمارهن.

اوله ایت، اتوق مغیلکن دیری دری برصقة ماره، مک کیت هندقله سنتیاس مغهندرکن دیری دری ملاکوکن فرکارا ۲ یغ منجادی فونجا کفد تیمبولن کمارهن ایت. کیت هندقله سنتیاس مغالول کمارهن دان منامکن صفة رنده دیری سرت برسدیا ممافکن کسارن اورغ لاین. جک اد اورغ یغ مموات کیت ماره کیت هندقله برصبر، جاغله کیت بردندم دان برموسوهن، افته لاکي اتوق مومتوسکن هوبوغن صلة الرحم.

رسول الله صلی الله علیه وسلم برقسن دالم حدیث بکندا:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْصِنِي،

قَالَ: لَا تَغْضَبُ فَرْدَةً مَرًا. قَالَ: لَا تَغْضَبُ

{ رواه الإمام البخاري }

مقصودن:

درقد ابو هریره رضی الله عنه بهوا اد سورغ لاکي تله برکات کفد نی صلی الله علیه وسلم: بریکله اکو نصیحه. بکندا برسبدا: جاغله ماره، مک اورغ ایت مغلاعی فرمنتان براف کالی، نی صلی الله علیه وسلم منجواب: جاغله ماره.

مسلمین یغ درحمتی الله،

دالم آکام کیت، ماره ایت ترهباکی کفد دوا، یایت ماره یغ دفوجی دان ماره یغ دکچی. ماره یغ دفوجی ایت ایاله افیل سسورغ ایت ماره کران ممقرتاهنکن کبران دان فرکارا یغ حق. اوله ایت، اداله تیدق ساله جک براس ماره افیل ملیهت کمکنن برلاکو دغن مات، اکن تنافی جارا منظاهیرکن ماره ایت بیارله دغن جارا یغ بتول دان کنا قد تمفتن دغن توجوان یغ بایک یایت اتوق مبدرکن اورغ یغ ملغکر فرینته الله سبحانه وتعالی دان رسولن. منکلا ماره یغ دکچی قول ایاله ماره کران ممقرتاهنکن فرکارا یغ باطل اومقامن برمه ۲ ممقرتاهنکن نام، فغکة، کبسن دیری دالم مجلس ۲، برمه-مه دغن علم فغنهوان دان برمه-مه دغن هرتا .

جک صفة ماره ایت تله مغواسی دیری، مک ای اکن مغعیتکن برباکی کبوروفن سفرت برلاکون فرکادوهن دان یغ لیه دهشة لاکي بوله مبیکن برلاکون فمبونوهن. اوله ایت باکی مغیل برلاکون فرکارا بوروق ترسوت، کیت هندقله مغالول دان مناهن دیری درقد برصقة ماره. سسغوهن ماره ایت بوله دکاول دان دجکه دغن ملاکوکن براف فرکارا:

فرتام: دغن برتفکر میکیکن قیسه ۲ تلادن یغ مبیوت تنغ بوروق بایکن برصقة ماره، برفیکر تنغ کاوتامان مناهن کمارهن، مبری معاف دان برله لبوت.

کلوا: سنتیاس ایغه کفد سقسا الله سبحانه وتعالی دان فرجای بهوا ککواسان الله سبحانه وتعالی کاتس دیرین لیه بسر دری ککواسان دیرین کاتس اورغ لاین.

کیتک: سنتیاس مغایعتکن دیرین بهوا ماره اکن مغعیتکن برلاکون فرموسوهن دان دندم.

کامفة: برفیکر تنغ بنتوق بوروق باکی دیرین کیتک دی ماره دان برفیکر تنغ بتاف کجین صفة ماره ایت.

کلیم: دغن برفیکر تنغ سبب یغ ممباوان کفد کمارهن.

کام: دغن مبدری بهوا کمارهن اداله برفونجا دری سیکف ممبکاکن دیری سندیری یغ تیدق سسواي دغن کهندق الله سبحانه وتعالی.

کوجه: مباح تَعُوذُ بِأَيْتِ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ارتین:

اکو برلیندوغ کفد الله درقد شیطان یغ درجم.

کلافن: سنة مباح دعاء کیتک ماره یایت:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّبِيِّ مُحَمَّدٍ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَأَذْهَبْ غَيْظَ قَلْبِي

وَأَجِرْ مِنْ مُضَلَّاتِ الْفِتَنِ.

ارتین:

واهی توهنکو، توهن نی محمد، أمقونیه دوساکو، هیلکله کمارهن هاتیکو دان لقسکله اکو دری فتنه-فتنه یغ مپستکن.

کسمیلن: جک کمارهن ایت تیدق هیلغ دغن مباح یغ دمکن، مک هندقله سسورغ ایت دودوق جک دی ماره دالم کادان بردیری، دان براریغ جک دی ماره دالم کادان سدغ دودوق دان مندایمکن دیری .

کسفولوه: افیل سسورغ ایت سدغ ماره، سبایک-بایکن هندقله دی بروصوه، کران ایر یغ دسافوکن قد اغکوتا وضوء بوکن سهاج دافه منجوهکن دیری درقد کودان دان هاسوتن شیطان، ای جوک دافه مپجوقکن موک دان اغکوتا بادن کیت یغ سدغ فانس دان ماره ایت.

سسغوهن منجوهکن دیری درقد برصقة ماره ایت بوله مغیلکن برلاکون صفة دکچی، دندم، بنجی، بوروق سغکا، مندم فراسان تیدق بایک ترهادف سسورغ دان برماج-ماج لاکي صفة یغ دکچی اوله شرع. آکام کیت ماهوکن اومتن برساتو فادو، هیدوف برسودارا، برکاسیه سابع، دان مغانجورکن اومه اسلام اتوق منجوهی فرجهن، فرسلیسهن دان فرموسوهن یغ اخیرن بوله ممباوا کفد کهنجورن. اوله ایت، جاوهیله صفة ماره، مدهمداهن دغن دمکن کیت اکن منجادی اومه اسلام یغ برساتو فادو، قوا دان برفکغ تکوه دغن آجان آکام اسلام. آمین یا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَحْتَبِئُونَ كِبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشِ

وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ ﴿۳۷﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

{ سورة الشورى آیه: ۳۷ }

تفسیرن:

دان جوک باکی اورغ ۲ یغ منجوهی دوسا ۲ بسر دان فربواتن ۲ کچی دان افیل مریک ماره، مریک سکرا ممعافکن.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِأَجْزَاءِ التَّائِبِينَ.



# Islam : Teras pembangunan di Brunei Darussalam

Oleh : Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Pg. Haji Abd. Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

## SIRI : II

### 3.2 Pemasyhuran Kemerdekaan

BRUNEI telah mencapai semula kemerdekaannya dari tangan British pada 1 Januari 1984. Dengan kemerdekaan tersebut bermakna Brunei telah muncul sebagai sebuah negara yang berdaulat, mampu mengurus dan mentadbir segala hal ehwal dalam dan luar negara. Hakikatnya kemerdekaan tersebut telah memberi ruang yang luas kepada Brunei untuk menonjolkan dirinya sebagai sebuah negara Islam yang tulen yang ditadbir berasaskan prinsip-prinsip Islam yang luhur. Ini tergambar dalam Pemasyhuran Kemerdekaan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain titah baginda : "Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antara bangsa atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri."

Prinsip-prinsip dan unsur-unsur Islam yang luhur dalam Pemasyhuran Kemerdekaan ini dapat dibuktikan dan dapat dicari sandaran dalilnya di dalam Al-Quran dan Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya ialah :

#### i. Kepercayaan penuh kepada Allah Subhanahu Wata'ala;

حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدَهُ

**Ertinya :** Sehingga kamu beriman kepada Allah semata-mata (Surah Al-Mumtahanah, ayat 4)

#### ii. Petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala;

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

**Ertinya :** Sesungguhnya engkau (wahai Nabi Muhammad) tidak dapat memberi hidayat kepada sesiapa yang engkau sukai tetapi Allah yang berkuasa mengurniakan hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang bersedia menerima hidayat. (Surah Al-Qashash ayat 56)

#### iii. Keredaan Allah Subhanahu Wata'ala;

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

**Ertinya :** Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadapNya. (Surah At-Taubah, ayat 100)

#### iv. Melayu Islam Beraja;

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

**Ertinya :** Pada hari ini Aku telah menyempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah mencukupkan ke atas kamu nikmat-Ku dan Aku telah meredai bagi kamu Islam sebagai agama (kamu). (Surah Al-Maaidah, ayat 3)

#### v. Merdeka;

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

**Ertinya :** (Negeri kamu ini ialah) negeri yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun. (Surah Saba, ayat 15)

#### vi. Demokratik;

وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ


**Ertinya :** dan urusan mereka diputuskan dengan bermesyuarat sesama mereka (Surah As-Syuraa, ayat 38)

#### vii. Berdaulat;

تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ

**Ertinya :** Maha Suci Allah yang memegang kuasa pemerintahan (langit dan bumi). Dan Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. (Surah Al-Mulk, ayat 1)

#### viii. Ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah;



MUSHAF Brunei Darussalam dan terjemahannya yang lengkap 30 juzuk.

تَزَيَّتُ فِيكُمْ أَنْزِينَ لَنْ نَقِيلُوا مَا تَشْتَكُمُ بَيْنَا: كِتَابُ اللَّهِ وَمِنَّةٌ نَبِيٍّ

**Ertinya :** Aku telah meninggalkan kepada kamu dua perkara yang mana tidak akan sesat selama mana kamu berpegang kepada kedua-duanya: Kitabullah dan Sunnah nabi-Nya. (Hadis riwayat Imam Malik)

#### ix. Keadilan;

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

**Ertinya :** Dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. (Surah An-Nisa, ayat 58)

#### x. Amanah;

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

**Ertinya :** Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). (Surah An-Nisa, ayat 58)

#### xi. Kebebasan;

وَادْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ

**Ertinya :** Dan ingatlah nikmat Allah (yang dikurniakan-Nya) kepada kamu. (Surah Al-Maaidah, ayat 7)

#### xii. Ketenteraman;

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ مِنْ أَتْبَعِ الْهُدَىٰ

**Ertinya :** Dan keselamatan (kesejahteraan) itu adalah untuk orang-orang yang mengikut petunjuk (Allah). (Surah Taha, ayat 47)

#### xiii. Keselamatan;

إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

**Ertinya :** "Melainkan sesiapa yang datang menghadap Allah dengan hati yang bersih" (Surah Asy-Syuara, ayat 89)

#### xiv. Kebajikan;

فَاسْتَقْبُوا الْخَيْرَاتِ

**Ertinya :** Maka berlumbalumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan (Surah Al-Baqarah, ayat 148)

#### xv. Kebahagiaan;

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۚ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

**Ertinya :** Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. (Surah Al-Qashash, ayat 77)

#### xvi. Hubungan persahabatan dengan masyarakat antara bangsa;

يَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

**Ertinya :** Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. (Surah Al-Hujurat ayat 13)

#### xvii. Hormat-menghormati;

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي ٭ ءَادَمَ وَحَمَلْتَنِي فِي الْبَيْتِ وَالْبَحْرِ

**Ertinya :** Dan sesungguhnya Kami memuliakan anak-anak

Adam (manusia) dan Kami telah mengangkat mereka (di dalam pelbagai kenderaan) di darat dan di laut. (Surah Al-Isra ayat 70)

#### xviii. Persamaan;

الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوِّكَ فَعَدَلَكَ

**Ertinya :** Yang telah menciptakan engkau lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tubuh)mu seimbang. (Surah Al-Infitar, ayat 7)

#### xix. Keutuhan;

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ ۖ إِنِّي خِفْتُ مِنَ اسْتِجْرَتِ الْقَوْمِ الْأَمِينِ

**Ertinya :** Seorang daripada mereka berkata: "wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah. (Surah Al-Qashash, ayat 26)

#### xx. Tiada campur tangan dari luar.

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

**Ertinya :** Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri. (Surah Ar-Ra'd, ayat 11)

Pemasyhuran itu adalah gambaran objektif Brunei. Dan berdasarkan objektif tersebut Brunei telah diurus dan ditadbir oleh pemegang teraju pemerintahan selama ini, iaitu sejak Brunei menerima ajaran Islam beberapa kurun dahulu hingga sekarang dan seterusnya di masa-masa yang akan datang, insyaaAllah.



# Kepemimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif 'Ulama dan Umara'

Dari muka 2

*La ilaha ilallah*, itu baru seorang yang mengaku memukul sebanyak 80 kali, betapa yang lain-lain lagi, yang juga sama-sama memukul, berapakah jumlah pukulan semuanya? Seorang telah mengaku, kalau dia memukul gajah, walau hanya sekali pukul, gajah itu akan mati. Tetapi di sini, yang memukul bukan seorang, yang pastinya, jumlah pukulan juga bukanlah cuma 80 tetapi lebih daripada itu. Namun, Imam Ahmad yang dipukul itu masih saja tidak mati-mati, padahal kalau gajah yang dipukul, walau hanya sekali pukul, gajah itu akan mati.

Apa ini? Apa ini? Siapakah yang memegang nyawa Imam Ahmad, sehingga dia tidak mati-mati, sedang kalau gajah yang dipukul itu, walau sekali pukul sahaja pun, gajah itu akan mati.

Inilah namanya 'keramah', saudara! Keramah ertinya perkara luar biasa, kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia boleh berlaku kepada orang-orang beriman, khasnya kepada para 'ulama. Awas! Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu, bahawa daging 'ulama itu beracun. Erti beracun, jangan sakiti 'ulama kerana menyakiti 'ulama itu boleh membawa padah.

Ya, kita bertanya : Mana dan apakah nasib penguasa dan kerajaan yang telah menzalimi Imam Ahmad? Mana dan apakah nasib penguasa dan kerajaan yang merantai Imam al-Bu'athiri seorang murid dan sahabat kepada Imam as-Syafi'e? Dan mana serta apa nasib penguasa dan kerajaan yang pernah mengurung dalam kurungan di bawah tanah seorang 'ulama fiqih terkenal Mazhab Hanafi, al-Imam Syams al-A'immah Muhammad bin Ahmad as-Sarkhasi? Suatu hari, telah datang seseorang kepada Imam al-Ghazali memberitahu : "Wahai Imam! Kitab Tuan, Ihya Ulumuddin telah dikoyak-koyak dan dibakar oleh seorang penguasa."

Apa respons Imam al-Ghazali? Beliau cuma berkata : "Tidak mengapa, nanti kamu akan dengar juga bahawa Allah akan mengoyak-ngoyak kerajaannya, sebagaimana dia mengoyak Ihya Ulumuddin."

Ah ini sejarah, saudara! Lidah sejarah amatlah petahnya. Berapa banyak takhta di alam maya ini? Ya banyak sekali, tetapi banyak juga yang berkubur. Mengapa berkubur? Sejarah menjawab : Kerana ramai para umara' yang terjerumus kepada salah laku, ditambah lagi dengan silap memilih pendamping atau penasihat.

Mari secara santai kita menyingkap sejarah takhta menurut kacamata Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah, ketika baginda itu masih menjawat Jawatan Hakim Besar Malaysia bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, pada 28 Jun 1980, pernah

menyebut tentang sejarah takhta itu, antara lain :

"Pada awal Abad Ke-19, ada lebih dari 900 buah takhta dalam dunia ini. Tetapi bilangan itu turun satu demi satu kepada 240 buah dalam Abad Ke-20-an, dan pada hari ini, pada dekad kelapan Abad Ke-20, hanya terdapat sebanyak 40 buah takhta sahaja."

Mengapa takhta-takhta itu berguguran begitu rupa? Menurut baginda, itulah dia hasil daripada salah nasihat oleh penasihat-penasihat istana yang tidak bertanggungjawab, dan di antara mereka, yang juga turut terbabit ialah golongan manusia, yang lebih takut kepada manusia daripada takut kepada Allah. Siapa mereka? Mereka itulah para alim 'ulama yang tugas mereka wajib memberi nasihat kepada takhta atau istana tetapi membisu batu, kerana takut kehilangan jawatan atau dipecat atau dimurkai.

Demikian saya petik utaian mutiara, kata-kata berkhikmah ini. Untuk selengkapnya jika berhajat, boleh rujuk 'Dewan Masyarakat' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, keluarannya 15 Ogos 1980.

Demikian itu, lintasan sejarah mengenai takhta. Bagaimana takhta-takhta itu boleh berkubur kalau bukan hukuman daripada Allah ke atas para umara' kerana kesilapan-kesilapan atau kesalahan-kesalahan, ditambah lagi kerana penasihat-penasihat yang curang serta orang-orang berilmu yang penakut yang tidak berani menegakkan kebenaran.

Oleh itu, para umara' dan 'ulama, seyogianya berhati-hati, jangan sampai silap, dan luruskan jalan masing-masing. Kerana jika umara', selalu-selalu membuat silap dan 'ulama pula tidak tampil memberikan peringatan, maka bagi Allah tidak ada sukarnya untuk Dia menarik diri daripada umara' dan menarik perlindungan-Nya terhadap takhta-takhta mereka.

Ya ada ataupun tidak umara' yang takut silap? Jawabnya ya ada. Contoh, salah seorang ialah Umar bin 'Abdul 'Aziz. Beliau ini adalah khalifah yang sangat-sangat penakut untuk membuat silap, sehingga dinukil sampai mempunyai 10 orang penasihat khas. Salah seorang, namanya juga 'Umar : 'Umar bin Muhajir. Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz pernah disebut sebagai berkata kepada penasihatnya ini : "Wahai Ibnu Muhajir, jadilah engkau sentiasa berada di sampingku, apabila engkau melihat aku menyeleweng dari kebenaran, maka engkau peganglah hujung bajuku ini dan goncang kuat-kuat sambil katakan kepadaku : Wahai 'Umar! Takutlah kepada Allah, sesungguhnya engkau juga akan mati."

Ah ini dia 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, seorang khalifah yang sangat penakut, takut untuk membuat silap dan kerana takutnya itulah, beliau sampai jadi penggemar dan malah tamak kepada nasihat. Mari, mari kita lihat satu lagi riwayat, bagaimana 'Umar menasihati.

Pada suatu hari, masuk kepada beliau Al-Hasan Al-Bashri,

seorang 'ulama terbilang pada zamannya. Sebaik-baik sahaja Al-Hasan duduk, "Umar tanpa bertanggung berkata : "يا تقي الدين!" (Taqiuddin adalah gelaran bagi Al-Hasan Al-Bashri).

"يا تقي الدين، عظمي! عظمي! عظمي! عظمي!"

Ertinya : "Wahai Taqiuddin, nasihatilah saya! Nasihati saya, wahai Taqiuddin!"

'Ulama yang diberi jolokan 'Al-'Aarif Billah' ini, dia bukan masuk untuk membawa nifak (*hypocrisy*), supaya khalifah menyukainya, bukan! Atau untuk mendapatkan habuan dunia, juga bukan! Tetapi dia masuk adalah semata-mata membawa 'amar makruf' dan 'nahi munkar'. Kerana itu makanya dia berkata dalam nasihatnya :

"يا أمير المؤمنين! صم عن الدنيا وأظفر على الموت، وأعد الزاد لليلة وصبحها يوم القيامة."

Ertinya : "Wahai Amirul Mukminin! Berpuasalah Tuan dari dunia dan berbukalah untuk mati. Sediakan bekalan bagi malam, di mana esok paginya adalah kiamat."

Ah ini nasihat 'ulama itu. Dia bukan menasihati untuk membangun dunia, kerana dunia akan berakhir, tetapi dia menasihati untuk mendapat yang lebih baik atau terbaik. Apakah yang terbaik itu? Iaitulah mengingati mati, kerana mati adalah jambatan ke akhirat yang pasti datang. Maka untuk itu, bersegeralah menyiapkan bekalan, jangan tangguh-tangguh. Seolah-olah malam ini juga bekalan itu mesti cukup, kerana esok paginya adalah kiamat.

Satu nasihat yang luar biasa, yang tajam lagi menusuk, tetapi Amirul Mukminin menerimanya dengan baik, malah dengan amat sukacita dan berterima kasih, bukan dengan murka.

Ah inilah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz yang 100% terbuka kepada nasihat. Siapa 'Umar yang luar biasa ini? Beliau itulah seorang khalifah yang memerintah di sekitar 13 kurun yang lampau. Beliau memerintah cuma 30 bulan atau 2 tahun 6 bulan sahaja. Tetapi para ilmuwan menganggap, masa selama 30 bulan itu adalah lebih berkat daripada tiga kurun atau 300 tahun, mengapa?

Kerana dalam masa pemerintahan 'Umar yang sesingkat itu, berkat dan rahmat Allah turun dan tumbuh melimpah-limpah. Negeri jadi aman tenteram, rakyat hidup makmur dan bahagia, sehingga zakat yang diagih pada ketika itu, tidak ada seorang pun yang mahu menerimanya kerana semua merasa cukup, tidak berhak untuk menerima zakat. Negeri benar-benar harmoni tanpa jenayah, tanpa sebarang pertelagahan dan pergaduhan, semua rakyat bersatu padu, hatta haiwan, ya haiwan juga didapati berkeadaan ganjil, sehingga mendorong orang ramai untuk datang kepada khalifah memberitahu :

"يا أمير المؤمنين إننا نرى حادثة غريبة: الذئب يمشي مع الغنم فيحرسها، ماذا تفعل"

أنت يا أمير المؤمنين، ما هو السر في هذا؟

Ertinya : "Wahai Amirul Mukminin, kami ada menyaksikan satu kejadian luar biasa (iaitu) binatang serigala berjalan beriringan bersama-sama dengan kambing. Serigala mengawal kambing bukan memakan kambing. Apakah yang telah tuan buat, wahai Amirul Mukminin, sehingga keadaan luar biasa ini terjadi? Apakah rahsia di sebalik itu?"

Menjelaskan Amirul Mukminin :

"أخلصت ما بيني وبين ربي، فأخلص الله ما بين الذئب والغنم."

Ertinya : "(Rahsianya jika kamu hendak tahu), kerana aku telah mengikhaskan atau membaikkakan hubunganku dengan Tuhanku, lalu Allah pun membaikkakan hubungan serigala dengan kambing."

Apa makna Amirul Mukminin mengikhaskan atau membaikkakan hubungannya dengan Allah? Apa maknanya ini? Maknanya Amirul Mukminin 'Umar, sentiasa meluruskan jalannya kepada Allah, dalam lambaran hidupnya tidak menderhakai Allah, tetapi kekal berhias dengan amal-amal takwa kepada Allah, khasnya dalam masa beliau itu menjadi raja atau khalifah.

Ah inilah rahsia itu, makanya negara, bahkan seluruh jajahan takluk rantau dan pesisirnya yang diperintah oleh 'Umar ketika itu menjadi negara yang diberkati, menjadi negara aman makmur, rakyat bersatu padu dan bahkan binatang-binatang buas juga sampai hilang selera atau tidak ada selera untuk memakan binatang-binatang ternakan. Allahuakbar! Allahuakbar! Wa lillahil Hamd.

Para hadirin!

Sekarang, mari pula kita melihat siapa 'ulama. 'Ulama ertinya orang-orang berilmu. Di dalam Al-Quran Allah mengungkap mereka itu sebagai golongan yang diangkat darjat. Sementara Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pula mendoakan orang alim, para guru, para mursyid semoga mereka itu diampunkan dosa, dipanjangkan umur dan diberkati segala hasil usaha mereka.

Mari, mari kita melihat bagaimana ulama memanfaatkan ilmu untuk kemanusiaan dan umat.

Dalam masa pemerintahan Sayyidina 'Umar bin Al-Khathab Radhiallahuanhu, datang seorang perempuan mengadu : "Wahai Amirul Mukminin! Saya telah diperkosa oleh seseorang, dan buktinya ini, ini dia air lelaki yang memperkosa itu masih saja melekat di baju saya."

Sayyidina 'Umar mendapati - betul! Memang benar ada air di baju perempuan. Tetapi sebelum menjalankan hukuman, beliau menoleh kepada 'Ali bin Abi Thalib meminta pandangan : "ماذا ترى يا علي؟" (Apa pandanganmu, wahai Ali?).

Ya 'Ali, siapa 'Ali? 'Ali adalah 'ulama. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Aku adalah kota

ilmu, sedang 'Ali pula pintunya." (Hadis marfu' riwayat al-Hakim dan ath-Thabarani).

Ya Salaam, 'Ali disifatkan oleh nabi sebagai pintu bagi khazanah ilmu. Sekarang, pintu khazanah ilmu ini sedang ditanya oleh Amirul Mukminin mengenai kes seorang perempuan yang mengadu diperkosa. Apa pandangan 'Ali? 'Ali berkata : "Wahai Amirul Mukminin! Jangan jalankan dahulu hukuman, sehingga kita mendapati bukti. Mana tahu lelaki yang dituduh ini adalah teraniaya?"

Bukti apa lagi, wahai 'Ali? Bukankah semuanya sudah jelas? Mangsa pun ada hadir di hadapan kita membuat pengakuan (ikrar), dan disokong pula oleh bahan bukti, air lelaki yang melekat di bajunya.

Menghujjah 'Ali : "Tidak, wahai Amirul Mukminin! Kita mesti uji dahulu air yang melekat itu."

Dengan apa pula ujian boleh dibuat?

Jika dalam Abad Ke-21 ini, ya! Kaedah atau cara menguji itu boleh saja melalui ujian DNA. Tetapi pada zaman itu istilah DNA belum lagi wujud. Sama juga istilah makmal belum pernah disebut, jadi dengan apa carakah, wahai 'Ali, ujian itu boleh dilakukan?

Berkata Sayyidina 'Ali, ahli ilmu ini : "Kita akan masak air sampai mendidih, kemudian kita tuangkan air mendidih itu ke atas air yang melekat di baju. Kalau betul air yang melekat itu air lelaki, nescaya ia akan hilang begitu saja. Tetapi kalau air itu bukan air lelaki, katakan ia mungkin 'putih telur', maka ia pasti akan masak dan membeku! Nah, mari kita mengujinya."

Apabila diuji, betul! Air yang melekat itu adalah 'putih telur' sengahja diletak oleh perempuan jahat untuk memfitnah seorang lelaki yang tidak berdosa.

Nampak kita, saudara! Betapa hebatnya ilmu Sayyidina 'Ali Karamallahu Wajhah, sehingga beliau itu dapat dilihat, bukan lagi setakat ahli perundangan yang luar biasa, malah juga adalah seorang saintis yang bertaraf perintis atau pelopor. Ya, betapa cantiknya ilmu itu, betapa besar kuasa dan pengaruhnya, sehingga mampu untuk menghuraikan apa sahaja masalah yang kusut-kusut atau sulit.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda mengenai 'kedudukan' orang alim yang maksudnya : "Barang siapa menziarahi orang alim, seolah-olah dia menziarahiku. Barang siapa menjabat tangan orang alim, seolah-olah dia menjabat tanganku. Barang siapa yang duduk dengan orang alim, seolah-olah dia duduk denganku (di dunia ini), dan barang siapa yang duduk denganku di dunia, aku akan mendudukkannya berhampiran denganku di dalam syurga." (Tanbihih al-Ghaafilin Li Imam as-Samarqandi).



# Pelbagai aktiviti meriahkan Bandarku Ceria



SUASANA Bandarku Ceria di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di mana orang ramai berkesempatan melakukan pelbagai aktiviti seperti bermain buih sabun (kiri). Manakala gambar kanan, Acara Lumba Perahu Tradisi anjuran Majlis Perundingan Kampung Kota Batu, Kampung Sungai Lampai dan Pintu Malim Mukim Kota Batu dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 April. - Program Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta setiap hari Ahad di ibu negara masih menjadi pilihan tempat beriadah hujung minggu bagi orang ramai terutama bersama keluarga.

Program terus dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti berbasikal, menaiki beca dan

berjalan kaki di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan kawasan sekitarnya.

Pelbagai jenis barang, makanan dan minuman dengan harga berpatutan juga dijual oleh peniaga tempatan sepanjang program berkenaan.

Pada minggu ini, turut menjadi tumpuan para pengunjung adalah

Dermaga Diraja di mana diadakan acara Lumba Perahu Tradisi Sungai Brunei 2018 sempena cuti penggal persekolahan dan bagi memeriahkan Bandarku Ceria.

Seawal pagi lagi, orang ramai telah hadir bagi menyaksikan Acara Lumba Perahu Tradisi anjuran Majlis Perundingan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kampung Kota Batu, Kampung Sungai Lampai dan Pintu Malim Mukim Kota Batu dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Acara lumba perahu berkenaan

melibatkan penyertaan 10 hingga 25 pekayuh bagi setiap kategori dari daerah-daerah, mukim-mukim, pengajian tinggi, syarikat swasta serta orang ramai.

## HALUAN

### Dari muka 12

Namun, saudara! Walaupun begitu, di sana ada pula amaran kepada 'ulama, kepada orang alim. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya manusia yang paling dahsyat akan di azab pada hari kiamat kelak ialah orang alim di mana ilmunya tidak memberi manfaat kepadanya (kerana dia tidak beramal dengan ilmunya itu)."

Orang alim yang curang, yang menyembunyikan ilmu, yang takut bercakap benar, yang tidak telus kepada takhta, kepada Ulil Amri, kepada umat adalah antara tanda, bahawa ilmu orang alim seperti ini, tidak membawa apa-apa manfaat, kecuali dia pula yang sedang ditunggu oleh Allah pada hari kiamat untuk menerima ganjaran seksa.

Ah ini, amaran terhadap orang alim.

Sementara umara' pula, adalah sama saja mendapat kedudukan yang istimewa di sisi Allah, insyaaAllah. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu, pada hari kiamat kelak, tiada didapati sebarang naungan, sama ada naungan berupa payung atau atap atau pohon kayu untuk berteduh, tidak ada, tidak ada. Semua orang akan terdedah kepada panas terik hari kiamat, semua orang. Kecuali ada beberapa golongan sahaja yang akan diberikan naungan khusus oleh Allah. Apakah bentuk naungan itu, wallahu a'lam. Dan siapakah golongan yang akan mendapat naungan itu kelak, siapa mereka? Di antara mereka itu, yang paling atas sekali disebut oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah imam atau penguasa atau raja atau khalifah atau pemerintah yang adil. Ya, yang adil, yang adil. Adil di sini menjadi prasyarat untuk seorang penguasa atau raja itu

mendapat naungan yang dijanjikan oleh Allah. Dan prasyarat inilah yang menjadikan 'Umar bin Al-Khathab Radhiallahuanhu sampai gelabah, sampai naik takut dan gentar untuk menerima khilafah (jawatan khalifah), sehingga beliau berkata :

"وَالَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ ، مَا قَبِلْتُ الْخِلَافَةَ إِلَّا كَمَا يَقْبَلُ الْمُضْطَرُّ أَكْلَ الْمَيْتَةِ."

Maksudnya : "Demi siapa yang mengutus Nabi Muhammad dengan kebenaran, aku tidak menerima jawatan khalifah, melainkan hanya kerana terpaksa seperti orang yang terpaksa memakan bangkai."

Mengapa 'Umar demikian merasa terpaksa untuk memegang jawatan ini? Kerana beliau cukup tahu, jawatan adalah tanggungjawab dan amanah, sedang tanggungjawab dan amanah itu bukannya ringan tetapi berat. Berat gunung lagi berat amanah. Jawatan, tetap menuntut 'Umar untuk 'wajib' berlaku adil, dan inilah punca kerisauan, bahkan ketakutan 'Umar, sekiranya beliau itu tidak mampu untuk melaksanakan keadilan yang dituntut. Dan malah ketakutan itu tentu saja lebih menekan lagi apabila merujuk kepada perkhbarannya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Tiada seorang penguasa yang di bawah tangannya ada 10 orang, melainkan pada hari kiamat kelak dia akan dibangkitkan dengan kedua tangannya terikat pada tengkuknya, sehinggalah Allah memeriksanya. Jika dia berlaku adil kepada 10 orang ini, maka terbukalah ikatan itu. Atau jika dia melakukan kezaliman, maka akan kekallah ikatan itu pada tengkuknya."

Bertanya seorang sahabat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

"يَا رَسُولَ اللَّهِ! لَيْسَ لِي زَوْجَةٌ ، وَلَيْسَ لِي أَوْلَادٌ ، وَلَيْسَ لِي فِي بَيْتِي أَحَدٌ أَعُوْلُهُ إِلَّا دَجَاجَةٌ أُرِييْهَا . أَنَا مَسْتُورٌ عَنْهَا؟"

Maksudnya : "Wahai Rasulullah, saya tidak mempunyai isteri, dan saya juga tidak mempunyai anak-anak, dan bahkan di dalam rumah saya, tidak ada siapa pun untuk saya menanggung nafkahnya, kecuali seekor ayam betina sahaja. Adakah saya juga bertanggungjawab kepada ayam ini?"

Menjawab Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

"وَالَّذِي بَعَثَنِي بِالْحَقِّ ، لَوْ أَنَّكَ تَأَخَّرْتَ عَنْ طَعَامِهَا وَشَرَابِهَا لَحِطَّةٌ ، لَسَأَلْتُكَ اللَّهُ عَنْ ذَلِكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ."

Maksudnya : "Demi siapa yang mengutusku dengan kebenaran, sekiranya engkau terlambat satu saat untuk memberi ayam itu makan dan minum, nescaya Allah akan tanya engkau mengenaiinya pada hari kiamat kelak."

Allah..Allah..ayam itik pun rupa-rupanya turut membebani kita dengan tanggungjawab, betapa manusia, betapa umat, betapa rakyat?

Ah inilah makanya 'Umar bin Al-Khathab Radhiallahuanhu sangat-sangat takut untuk menyandang jawatan, sehingga mendorongnya sampai berkata :

"لَوْ عَثَرْتُ بَعْلَةً فِي الْعِرَاقِ لَسَأَلْتَنِي اللَّهُ عَنْهَا لَمْ لَمْ تَصْلِحْ لَهَا الطَّرِيقَ يَا عُمَرُ؟"

Ertinya : "Jika sekiranya binatang baghal adik-beradik keldai tercedera di Iraq kerana jalan yang berlopak-lopak, nescaya Allah akan tanya saya, mengapakah tidak engkau baiki jalan, wahai Umar? Mengapa jalan dibiarkan rosak tanpa

diperbaiki?"

La ilaha illah, 'Umar ketika itu di Madinah, sedang baghal di Iraq, Iraq hanyalah sebuah wilayah dalam kerajaan 'Umar, tetapi jiwanya, mindanya tetap berlegar-legar di Iraq, tetap mengambil berat hal ehwal rakyat di sana, hal ehwal segala isi di dalamnya, termasuk tidak terkecuali makhluk haiwan juga.

Demikian itu contoh orang takut. Bukan takut kerana dihukum oleh mahkamah dunia, tetapi takut akan dihukum oleh mahkamah Allah di Padang Mahsyar kelak.

Lagi contoh tentang orang takut ini, pernah juga disebut oleh al-Ghazali Rahimahullah dalam Ihyanya, iaitu mengenai khalifah kelima Bani Umayyah lagi, 'Umar bin 'Abdul 'Aziz. Melalui seorang hamba perempuan, 'Umar mendapat maklumat luar biasa yang sangat menakutkannya. Hamba perempuan itu berkata :

"Wahai Amirul Mukminin, demi Allah, saya bermimpi satu keajaiban."

"Apakah mimpimu itu?" tanya 'Umar.

"Saya bermimpi neraka," jawab perempuan.

"Teruskan!" kata 'Umar. "Api neraka itu beryala di bawah titian Shirathal Mustaqim. Seorang demi seorang di bawa melintasinya. Mula-mula nampak Khalifah 'Abdul Malik bin Marwan, tetapi tidak lama, titian terbalik dan 'Abdul Malik terjatuh ke dalam neraka."

Berkata 'Umar : "Teruskan!" Perempuan menyambung : "Kemudian dibawa pula Khalifah Al-Walid bin 'Abdul Malik. Tetapi juga tidak lama, titian terbalik pula dan Al-Walid jatuh ke dalam neraka."

"Teruskan!" dorong 'Umar lagi. "Selepas itu," sambung perempuan. "Dibawa pula Khalifah Sulaiman bin 'Abdul Malik, tetapi juga tidak lama,

titian terbalik dan Sulaiman terhurban ke dalam neraka."

"Sekarang," perempuan meneruskan lagi, "demi Allah, adalah giliran tuan pula, wahai Amirul Mukminin."

Belum sempat perempuan menghabiskan perkataannya, tiba-tiba Khalifah 'Umar terpekik, jatuh tersungkur dan pengsan. Perempuan bergegas bangun menghampiri 'Umar sambil memanggil-manggil : Amirul Mukminin..Amirul Mukminin... dan kemudian berbisik ke telinga 'Umar : "Wahai Amirul Mukminin, demi Allah, saya melihat tuan selamat, tuan terlepas dari bahaya itu." Sekali lagi 'Umar terpekik sambil memeriksa hujung kakinya.

Mengapa, mengapa 'Umar sampai terpekik, sampai jatuh tersungkur dan pengsan? Mengapa? Tidak lain, kerana beliau terlampau takut, terlampau gerun dengan azab Allah, dengan api neraka. Demikian gambaran, betapa qudusnya tabiat dan perangai para calon penghuni syurga, insyaaAllah.

Ampun Tuanku, Sekian saja pembentangan patik. Patik dengan penuh hormat serta takzim merafak sembah menjunjung ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kejanggalkan di sepanjang pembentangan ini. Mana-mana yang elok dan benar adalah itu daripada Allah, sementara yang tidak elok atau salah adalah ia daripada patik sendiri.

Patik menjunjung kasih banyak-banyak ke hadapan majlis Duli-Duli Tuanku sambil berdoa, semoga Allah melanjutkan usia, kekal karar memerintah di atas takhta di bawah payung inayah dan perlindungan Allah Yang Maha Perkasa.



**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 26/04/18 (SPA/BKIL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 02 APRIL 2018  
TARIKH TUTUP: 16 APRIL 2018

|   |  |   |
|---|--|---|
| 1. <b>PEGAWAI PENYELIDIK</b><br>E2 EB3<br>BAHAGIAN II<br>JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI<br>JABATAN PERDANA MENTERI<br>KEKOSONGAN: SATU (01)                        | 2. <b>JURUTAYANG KANAN</b><br>C1 EB2<br>BAHAGIAN III<br>PUSAT DA'WAH ISLAMIAH<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA<br>KEKOSONGAN: SATU (01)                                      | 3. <b>JURULATIH KANAK-KANAK</b><br>C1-2 EB3<br>BAHAGIAN III<br>JABATAN DEWAN BAHASA DAN<br>PUSTAKA<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA<br>DAN SUKAN<br>KEKOSONGAN: SATU (01) |
| 4. <b>PEGAWAI DOKUMEN KONTRAK</b><br>C1-2 EB3<br>BAHAGIAN III<br>JABATAN KERJA RAYA<br>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN<br>KEKOSONGAN: SATU (01)                         | 5. <b>PENOLONG PENGELOLA ZAKAT DAN FITRAH TINGKAT II</b><br>C1-2 EB3<br>BAHAGIAN III<br>JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA<br>KEKOSONGAN: SATU (01) | 6. <b>PEGAWAI PERANGKAIAN RENDAH</b><br>C1-2-3 EB.4 ATAU C.1-2 EB.3<br>BAHAGIAN III<br>JABATAN-JABATAN KERAJAAN<br>KEKOSONGAN: DUA (02)                                   |
| 7. <b>PEMBANTU PERIKANAN KANAN</b><br>C2 EB3<br>BAHAGIAN III<br>JABATAN PERIKANAN<br>KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA<br>KEKOSONGAN: SATU (01) |  |   |

**RAJAT**

IKLAN JAWATAN KOSONG YANG DIKELUARKAN PADA 28 MAC 2018 NAMA JAWATAN AHLI BOMBA PELATIH ADALAH DI GANTI KEPADA AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI)

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 24/03/2018 (SPA/BKIL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 28 MAC 2018  
TARIKH TUTUP: 11 APRIL 2018

|   |
|---|
| 1. <b>AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI)</b><br>P.2 / P.2<br>BAHAGIAN V<br>JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI<br>KEKOSONGAN: DUA PULUH TIGA (23) |
|---|

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:  
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Announcement di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

HELPLINE:  **TALIAN DARUSSALAM 123**

**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Sebut Harga :  
INFO / PK / K / 7 / 2018**

**Tajuk Sebut Harga :  
PERKHIDMATAN BAGI  
PENGAMBILAN DAN  
PENGHANTARAN AKHBAR RASMI  
KERAJAAN PELITA BRUNEI KE  
DAERAH TUTONG DAN BELAIT  
UNTUK TEMPOH SATU TAHUN  
(12 BULAN) KONTRAK**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Rabu, 4 April 2018,  
Jam 2.15 petang**

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Sebut Harga :  
BND5.00**  
(Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan)

**WAKTU-WAKTU PENERIMAAN  
WANG BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN SEBUT HARGA**

**Isnin hingga Khamis  
8.00 hingga 11.30 Pagi  
1.45 hingga 3.00 Petang**

**Sabtu  
8.00 hingga 10.00 Pagi**

**Syarat-Syarat Iklan Sebut harga :**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran yuran sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Pemohon adalah dikehendaki membayar semua yuran sebut harga seperti yang diiklankan. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap pemohon sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (*bona-fide-tender*).
3. Kadar yuran sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga.
4. Sebelum mengambil borang, setiap pemohon hendaklah membayar yuran sebut harga di Tingkat 4, Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bangunan Tambahan (Baharu), Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran yuran sebut harga yang diterima adalah betul.
5. Borang-borang sebut harga boleh diperolehi di Tingkat 4, Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bangunan Tambahan (Baharu), Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam pada setiap Isnin hingga Khamis jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 1.45 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu, jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi setelah membuat pembayaran dengan menyertakan resit bayaran yang sudah dibuat.
6. Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran

perniagaan dan salinan resit bayaran yuran sebut harga.

7. Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebut harga, tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut harga tanpa menunjukkan identiti pemohon dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA  
SEBUT HARGA  
JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

  8. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Aras Bawah, Bangunan Asal (Lama) Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.15 Petang pada Rabu, 4 April 2018.
  9. Sebut Harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai sebut harga tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.
  10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga yang tidak munasabah.
  11. Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.
  12. Pemohon yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi atau setelah tutup sebut harga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
  13. **Syarat tambahan di antara syarat-syarat iklan yang perlu dipatuhi :**
    - a. Permohonan hendaklah sudah mempunyai van atau kereta yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Darat sebelum tarikh iklan ditutup.
    - b. Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan I6 / 17 untuk perkhidmatan pengangkutan darat.
    - c. Tempoh penyewaan selama enam (6) bulan (maksima).
    - d. Mempunyai permit yang sah dan diluluskan.
    - e. Umur van atau kereta tidak melebihi 10 tahun (didaftarkan mulai tahun 2009 sehingga sekarang)
    - f. Pemandu yang mempunyai lesen kelas memandu yang sah dan bersesuaian.
    - g. Mengisikan borang sebut harga dengan lengkap menyertakan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan.
    - h. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus di talian +673 2382400 sambungan 507.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Kementerian Perhubungan  
Bandar Seri Begawan, BB2513  
Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk : 'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION OF REMOTE MICROPHONES & AMPLIFIER FOR PUBLIC ADDRESS SYSTEM AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION'
NAMA AHLI TAP :  
**AWANG HAJI YUSOF BIN NASIR**
- 16) NO. AKAUN TAP : 300140915  
NO. KAD PENGENALAN : 00-017XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**AWG. HIDUP BIN TALIP**
- 17) NO. AKAUN TAP : 300087577  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**AWG. LAMAT BIN HJ BUNGKUL**
- 18) NO. AKAUN TAP : 300207764  
NO. KAD PENGENALAN : 00-014XXX  
NAMA AHLI TAP : **BAHA B. NUDIN**
- 19) NO. AKAUN TAP : 300183103  
NO. KAD PENGENALAN : 30-0887XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**BARAIM B. LABANG**
- 20) NO. AKAUN TAP : 300171535  
NO. KAD PENGENALAN : 30-081XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**BARAOK ANAK JIMBUN**
- 21) NO. AKAUN TAP : 300207788  
NO. KAD PENGENALAN : 30-101XXX  
NAMA AHLI TAP : **BERAIM B. GAGAH**
- 22) NO. AKAUN TAP : 300206670  
NO. KAD PENGENALAN : 00-035XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**BINCHIN B. BUNDAN**
- 23) NO. AKAUN TAP : 300207537  
NO. KAD PENGENALAN : 0032XXX  
NAMA AHLI TAP : **BUANG BIN PUASA**
- 24) NO. AKAUN TAP : 300207886  
NO. KAD PENGENALAN : 00-018XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**DAMIT B. RANGGAS**
- 25) NO. AKAUN TAP : 300198749  
NO. KAD PENGENALAN : 00-030XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**DAYANG DAMIT BINTI IBRAHIM**
- 26) NO. AKAUN TAP : 300179060  
NO. KAD PENGENALAN : 00-001XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**DY JARAH BINTI RAJAB**
- 27) NO. AKAUN TAP : 300171140  
NO. KAD PENGENALAN : 00-017XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**DY. ALIMAH BINTI MD. SALLEH**
- 28) NO. AKAUN TAP : 300203755  
NO. KAD PENGENALAN : 30-094XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**ENCHANG ANAK JAWA**
- 29) NO. AKAUN TAP : 300183392  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. ABDULLAH B. H. JUMAT**
- 30) NO. AKAUN TAP : 300183452  
NO. KAD PENGENALAN : 00-022XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. AHMAD B. H. M. TAHIR**
- 31) NO. AKAUN TAP : 300185812  
NO. KAD PENGENALAN : 00-034XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. ALI B. H. SHAHBUDIN**
- 32) NO. AKAUN TAP : 300207520  
NO. KAD PENGENALAN : 00-018XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. ANGGAS B. H. DULLAH**
- 33) NO. AKAUN TAP : 300184493  
NO. KAD PENGENALAN : 00-019XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. ANGGAS B. TIMPUS**
- 34) NO. AKAUN TAP : 300184015  
NO. KAD PENGENALAN : 00-013XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. BAKIR B. MD. YUSOF**
- 35) NO. AKAUN TAP : 300182655  
NO. KAD PENGENALAN : 00-010XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. BESAR B. H. DAIM**
- 36) NO. AKAUN TAP : 300207800  
NO. KAD PENGENALAN : 00-019XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. DANAN B. ISMAIL**
- 37) NO. AKAUN TAP : 300207513  
NO. KAD PENGENALAN : 00-017XXX

- NAMA AHLI TAP : **H. KURUS B. RAJAB**
- 38) NO. AKAUN TAP : 300207831  
NO. KAD PENGENALAN : 00-014XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. MAIDIN B. AHMAD**
- 39) NO. AKAUN TAP : 300186248  
NO. KAD PENGENALAN : 00-004XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. MD. ZAIN B. H. A. HAMID**
- 40) NO. AKAUN TAP : 300185647  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. METASSAN B. TASSIM**
- 41) NO. AKAUN TAP : 300205622  
NO. KAD PENGENALAN : 00-010XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. MOHAMAD B. DONGLAH**
- 42) NO. AKAUN TAP : 300182722  
NO. KAD PENGENALAN : 00-023XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. MOHAMAD BIN SARUDIN**
- 43) NO. AKAUN TAP : 300183172  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. NIKMAN B. YAHYA**
- 44) NO. AKAUN TAP : 300207020  
NO. KAD PENGENALAN : 00-005XXX  
NAMA AHLI TAP : **H. TAHA B. BURUT**
- 45) NO. AKAUN TAP : 300183787  
NO. KAD PENGENALAN : 00-027XXX  
NAMA AHLI TAP : **H. TASAN B. BAHAR**
- 46) NO. AKAUN TAP : 300185654  
NO. KAD PENGENALAN : 00-037XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. YUSSOF B. BULAT**
- 47) NO. AKAUN TAP : 300203640  
NO. KAD PENGENALAN : 00-004XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. YUSSOF B. GADOR**
- 48) NO. AKAUN TAP : 300169656  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJAH AJI BINTI BAKAL**
- 49) NO. AKAUN TAP : 300171231  
NO. KAD PENGENALAN : 00-032XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJAH DY. BONGSU BINTI GANI**
- 50) NO. AKAUN TAP : 300199979  
NO. KAD PENGENALAN : 00-029XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJAH JAMILAH BINTI SABTU**
- 51) NO. AKAUN TAP : 300033018  
NO. KAD PENGENALAN : 00-025XXX  
NAMA AHLI TAP : **HAJI ABD AZIZ BIN IMAM ABD. GHANI**
- 52) NO. AKAUN TAP : 300051385  
NO. KAD PENGENALAN : 00-017XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI ABD. HAMID BIN CHUCHU**
- 53) NO. AKAUN TAP : 300139704  
NO. KAD PENGENALAN : 00-003XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI ABD. HAMID BIN HAJI PERALI**
- 54) NO. AKAUN TAP : 300191877  
NO. KAD PENGENALAN : 00-005XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI AMAN OTHMAN**
- 55) NO. AKAUN TAP : 300202434  
NO. KAD PENGENALAN : 00-052XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI ARSHAD BIN SULAIMAN**
- 56) NO. AKAUN TAP : 300206405  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI BASMAN BIN HAJI BUNGSU**
- 57) NO. AKAUN TAP : 300013343  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI HIDUP BIN BAKAR**
- 58) NO. AKAUN TAP : 300205880  
NO. KAD PENGENALAN : 00-014XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI IRING B. DURAMAN**
- 59) NO. AKAUN TAP : 300199986  
NO. KAD PENGENALAN : 00-031XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI ISMAIL BIN DURAMAN**
- 60) NO. AKAUN TAP : 300191968  
NO. KAD PENGENALAN : 00-031XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI ISMAIL JAAFAR**
- 61) NO. AKAUN TAP : 300211998  
NO. KAD PENGENALAN : 00-036XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI KIPLI BIN TAPA**
- 62) NO. AKAUN TAP : 300207484  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI MAHROF BIN HAJI METASSIM**
- 63) NO. AKAUN TAP : 300088790

- NO. KAD PENGENALAN : 00-014XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI METARSAT BIN KASSIM**
- 64) NO. AKAUN TAP : 300205500  
NO. KAD PENGENALAN : 30-096XXX  
NAMA AHLI TAP : **HAJI MOHAMAD BIN DERWISH / DARWISH**
- 65) NO. AKAUN TAP : 300301076  
NO. KAD PENGENALAN : 00-265XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI MOHD. SHARIFF BIN ISMAIL**
- 66) NO. AKAUN TAP : 300183165  
NO. KAD PENGENALAN : 00-006XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI MUMIN BIN OSMAN**
- 67) NO. AKAUN TAP : 300198763  
NO. KAD PENGENALAN : 00-030XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI SABAN BIN SIDOP**
- 68) NO. AKAUN TAP : 300182904  
NO. KAD PENGENALAN : 00-027XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI TAHIR B. MOHAMMAD**
- 69) NO. AKAUN TAP : 300192021  
NO. KAD PENGENALAN : 00-040XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI ZAININ ABD RAHMAN**
- 70) NO. AKAUN TAP : 300181229  
NO. KAD PENGENALAN : 00-020XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJJAH JAUYAH BINTE SULAIMAN**
- 71) NO. AKAUN TAP : 300215689  
NO. KAD PENGENALAN : 00-010XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HALUS BTE MAT DON**
- 72) NO. AKAUN TAP : 300186035  
NO. KAD PENGENALAN : 00-019XXX  
NAMA AHLI TAP : **HAMID B. TAIM**
- 73) NO. AKAUN TAP : 300182624  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP : **HITAM B. JOHOR**
- 74) NO. AKAUN TAP : 300183081  
NO. KAD PENGENALAN : 00-009XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. A. RAHMAN B. METASSAN**
- 75) NO. AKAUN TAP : 300164364  
NO. KAD PENGENALAN : 00-034XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ ABU BAKAR BIN BADAR**
- 76) NO. AKAUN TAP : 300179091  
NO. KAD PENGENALAN : 00-013XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. ABU BAKAR BIN DURAMAN**
- 77) NO. AKAUN TAP : 300184137  
NO. KAD PENGENALAN : 00-107XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. BAKAR B. SALLEH**
- 78) NO. AKAUN TAP : 300164371  
NO. KAD PENGENALAN : 00-037XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. BESAR BIN OTHMAN**
- 79) NO. AKAUN TAP : 300204296  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. BUDIN BIN SULAIMAN**
- 80) NO. AKAUN TAP : 300201168  
NO. KAD PENGENALAN : 00-068XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. BUNGSU BIN TASAN**
- 81) NO. AKAUN TAP : 300182868  
NO. KAD PENGENALAN : 00-012XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. DALI B. H. METASSAM**
- 82) NO. AKAUN TAP : 300199515  
NO. KAD PENGENALAN : 00-067XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. IBRAHIM BIN MERASSAN**
- 83) NO. AKAUN TAP : 300200641  
NO. KAD PENGENALAN : 00-001XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. IDRIS BIN ABU BAKAR**
- 84) NO. AKAUN TAP : 300185305  
NO. KAD PENGENALAN : 00-047XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. JAMBUL BIN BUDIN**
- 85) NO. AKAUN TAP : 300207673  
NO. KAD PENGENALAN : 00-021XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. JAMUDIN BIN HJ. SAPAR**
- 86) NO. AKAUN TAP : 300183309  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. MD. SAID B. H. MD. NASIR**
- 87) NO. AKAUN TAP : 300199833  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. MD. TAPA BIN HJ. SIA**

**BERSAMBUNG KE MUKA 20**



## DARI MUKA 19

88) NO. AKAUN TAP : 300183347  
NO. KAD PENGENALAN : 00-031XXX  
NAMA AHLI TAP : **HJ. PUSIN BIN LADI**  
89) NO. AKAUN TAP : 300191884  
NO. KAD PENGENALAN : 00-011XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. SAID BIN DOLLAH**  
90) NO. AKAUN TAP : 300023551  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. SAMAT BIN MUDIN**  
91) NO. AKAUN TAP : 300091141  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. SERUDIN BIN AHMAD**  
92) NO. AKAUN TAP : 300164008  
NO. KAD PENGENALAN : 00-018XXX  
NAMA AHLI TAP : **HJ. SUDIN BIN LATIF**  
93) NO. AKAUN TAP : 300202525  
NO. KAD PENGENALAN : 00-009XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. UNTONG BIN SAPAR**  
94) NO. AKAUN TAP : 300227271  
NO. KAD PENGENALAN : 00-025XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. ISMAIL BIN BAKAR**  
95) NO. AKAUN TAP : 300206065  
NO. KAD PENGENALAN : 00-017XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. MD. NOOR B. H. MOMIN**  
96) NO. AKAUN TAP : 300183316  
NO. KAD PENGENALAN : 00-012XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. MOHD. NOOR BIN LAIR**  
97) NO. AKAUN TAP : 300184053  
NO. KAD PENGENALAN : 00-023XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJ. ONGSANG BIN O.K. SENUDIN**  
98) NO. AKAUN TAP : 300171475  
NO. KAD PENGENALAN : 00-013XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJH. JANAH BINTI PUASA**  
99) NO. AKAUN TAP : 300170989  
NO. KAD PENGENALAN : 0157XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJH. ROSNAH BTE HJ. AJAK**  
100) NO. AKAUN TAP : 300199917  
NO. KAD PENGENALAN : 00-021XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJH. SALMAH BTE MD. SAID**  
101) NO. AKAUN TAP : 300199417  
NO. KAD PENGENALAN : 00-009XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJH. SITI HAJIJAH BTE TUAH**  
102) NO. AKAUN TAP : 300191200  
NO. KAD PENGENALAN : 00-004XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJH. ZALEHA BTI MD. DAUD**  
103) NO. AKAUN TAP : 300182784  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HJH. PALAM B. MOHAMAD**  
104) NO. AKAUN TAP : 300203346  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**IBRAHIM B. TUNJANG**  
105) NO. AKAUN TAP : 300082118  
NO. KAD PENGENALAN : 00-116XXX  
NAMA AHLI TAP : **IBRAHIM BIN ABDULLAH @ JOHARI BIN GUMBAN**  
106) NO. AKAUN TAP : 300205902  
NO. KAD PENGENALAN : 00-030XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**ISMAIL B. ABDULLAH**  
107) NO. AKAUN TAP : 300184235  
NO. KAD PENGENALAN : 00-012XXX  
NAMA AHLI TAP : **JAIS BIN TAMB**  
108) NO. AKAUN TAP : 300205639  
NO. KAD PENGENALAN : 00-014XXX  
NAMA AHLI TAP : **JOHNY YEO**  
109) NO. AKAUN TAP : 300203004  
NO. KAD PENGENALAN : 00-014XXX  
NAMA AHLI TAP : **JUKIN B. H. LAMIT**  
110) NO. AKAUN TAP : 300186004  
NO. KAD PENGENALAN : 00-011XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**JUMAHAT B. SINUDIN**  
111) NO. AKAUN TAP : 300182686

NO. KAD PENGENALAN : 00-016XXX  
NAMA AHLI TAP : **KAMIS B. AMAT**  
112) NO. AKAUN TAP : 300203839  
NO. KAD PENGENALAN : 00-013XXX  
NAMA AHLI TAP : **KASSIM B APING**  
113) NO. AKAUN TAP : 300227477  
NO. KAD PENGENALAN : 00-020XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**KIFLI BIN OKSD HJ DAUD**  
114) NO. AKAUN TAP : 300203262  
NO. KAD PENGENALAN : 00-077XXX  
NAMA AHLI TAP : **LAI AIK @ LAI YECK**  
115) NO. AKAUN TAP : 300203700  
NO. KAD PENGENALAN : 30-082XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**LAMIT ANAK GELAU**  
116) NO. AKAUN TAP : 300013532  
NO. KAD PENGENALAN : 00-010XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**LATIP BIN JAPARUDIN**  
117) NO. AKAUN TAP : 300202661  
NO. KAD PENGENALAN : 00-036XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MADAN ANAK PATIH @AMBUN**  
118) NO. AKAUN TAP : 300204349  
NO. KAD PENGENALAN : 00-037XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MAHMOAD BIN METUSSIN**  
119) NO. AKAUN TAP : 300185805  
NO. KAD PENGENALAN : 00-030XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MAHROP B. TAMBAK**  
120) NO. AKAUN TAP : 300207702  
NO. KAD PENGENALAN : 00-021XXX  
NAMA AHLI TAP : **MALAM BIN ADUN**  
121) NO. AKAUN TAP : 300184199  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP : **MANSOR BIN ABAS**  
122) NO. AKAUN TAP : 300228078  
NO. KAD PENGENALAN : 30-080XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MASRI BIN AMAT SIRAT**  
123) NO. AKAUN TAP : 300203920  
NO. KAD PENGENALAN : 00-013XXX  
NAMA AHLI TAP : **MAT NOOR B MAUN**  
124) NO. AKAUN TAP : 300199273  
NO. KAD PENGENALAN : 30-093XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MAT SIDEK BIN LAKIM**  
125) NO. AKAUN TAP : 300192045  
NO. KAD PENGENALAN : 00-000XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MD. YUSSOF ABU BAKAR**  
126) NO. AKAUN TAP : 300184084  
NO. KAD PENGENALAN : 00-034XXX  
NAMA AHLI TAP : **MUSTAFA BIN O.K. DIGADONG AG. AHMAD**  
127) NO. AKAUN TAP : 300203011  
NO. KAD PENGENALAN : 00-056XXX  
NAMA AHLI TAP : **NASIR B. AHMAD**  
128) NO. AKAUN TAP : 300227331  
NO. KAD PENGENALAN : 30-084XXX  
NAMA AHLI TAP : **OMIN ANAK JARO**  
129) NO. AKAUN TAP : 300184455  
NO. KAD PENGENALAN : 00-060XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**OSMAN B. H. MATAHA**  
130) NO. AKAUN TAP : 300203619  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**OSMAN BIN MOKSIN**  
131) NO. AKAUN TAP : 300203059  
NO. KAD PENGENALAN : 00-019XXX  
NAMA AHLI TAP : **OTHMAN B. SAID**  
132) NO. AKAUN TAP : 300227202  
NO. KAD PENGENALAN : 00-025XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**OTHMAN BIN AMAN**  
133) NO. AKAUN TAP : 300204636  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**P. H. DAMIT B. P. ISMAIL**  
134) NO. AKAUN TAP : 300205873  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**P. HJ. LUDIN B. P. METASSAN**  
135) NO. AKAUN TAP : 300183483  
NO. KAD PENGENALAN : 00-018XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**P.H. ZIDI B. P. YUSOF**  
136) NO. AKAUN TAP : 300171580

NO. KAD PENGENALAN : 00-006XXX  
NAMA AHLI TAP : **PATI BINTI BIDDING**  
137) NO. AKAUN TAP : 300092326  
NO. KAD PENGENALAN : 00-034XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. HASHIM BIN PG. METUSSIN**  
138) NO. AKAUN TAP : 300164333  
NO. KAD PENGENALAN : 00-000XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. HJ. DAMIT BIN PG. RAJIT**  
139) NO. AKAUN TAP : 300120173  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. HJ. KAHAR BIN PG. HJ. METALI**  
140) NO. AKAUN TAP : 300174450  
NO. KAD PENGENALAN : 00-009XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. HJ. SALLEH BIN PG. HJ. BESAR**  
141) NO. AKAUN TAP : 300204849  
NO. KAD PENGENALAN : 00-027XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. METALI BIN PG. M. SERUDIN**  
142) NO. AKAUN TAP : 300205971  
NO. KAD PENGENALAN : 00-033XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. ABU BAKAR B. PG. MOHAMMAD**  
143) NO. AKAUN TAP : 300183770  
NO. KAD PENGENALAN : 00-023XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. CHUCHU B. PG. BESAR**  
144) NO. AKAUN TAP : 300199931  
NO. KAD PENGENALAN : 00-025XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**RAMZAN BIN NAWANG**  
145) NO. AKAUN TAP : 300207257  
NO. KAD PENGENALAN : 30-091XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**RANGGAU ANAK AYEK**  
146) NO. AKAUN TAP : 300206716  
NO. KAD PENGENALAN : 00-260XXX  
NAMA AHLI TAP : **SABUT B. MASING**  
147) NO. AKAUN TAP : 300114072  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**SAILAN BIN MAWANG**  
148) NO. AKAUN TAP : 300203913  
NO. KAD PENGENALAN : 00-012XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**SALLEH BIN AHMAD**  
149) NO. AKAUN TAP : 300228047  
NO. KAD PENGENALAN : 00-005XXX  
NAMA AHLI TAP : **SANI BIN BAKAR**  
150) NO. AKAUN TAP : 300200672  
NO. KAD PENGENALAN : 00-007XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**SHAHBUDIN BIN SIMPOL**  
151) NO. AKAUN TAP : 300207922  
NO. KAD PENGENALAN : 00-037XXX  
NAMA AHLI TAP : **SUDIN B. TAHAMIT**  
152) NO. AKAUN TAP : 300186255  
NO. KAD PENGENALAN : 00-008XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**SUHAILI B. ABDULLAH**  
153) NO. AKAUN TAP : 300206845  
NO. KAD PENGENALAN : 00-010XXX  
NAMA AHLI TAP : **TAWI BIN IMBAM**  
154) NO. AKAUN TAP : 300171315  
NO. KAD PENGENALAN : 00-001XXX  
NAMA AHLI TAP : **TEE HOCK AN**  
155) NO. AKAUN TAP : 300228054  
NO. KAD PENGENALAN : 00-011XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**TENGGAH BIN SULAIMAN**  
156) NO. AKAUN TAP : 300186157  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP : **TUAH B. DURAMAN**  
157) NO. AKAUN TAP : 300205220  
NO. KAD PENGENALAN : 00-001XXX  
NAMA AHLI TAP : **TUAH B. DURAMAN**  
158) NO. AKAUN TAP : 300206601  
NO. KAD PENGENALAN : 00-016XXX  
NAMA AHLI TAP : **TUJOH B. KOTA**  
159) NO. AKAUN TAP : 300207506  
NO. KAD PENGENALAN : 00-008XXX  
NAMA AHLI TAP : **UNTONG B. YUSOF**  
160) NO. AKAUN TAP : 300206821  
NO. KAD PENGENALAN : 00-008XXX  
NAMA AHLI TAP : **USONG BIN USOI**  
161) NO. AKAUN TAP : 300181669  
NO. KAD PENGENALAN : 00-039XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**WATMA BIN SALLEH**

162) NO. AKAUN TAP : 300342926  
NO. KAD PENGENALAN : 30-080XXX  
NAMA AHLI TAP : **WONG KAM SIM**  
163) NO. AKAUN TAP : 300206883  
NO. KAD PENGENALAN : 00-013XXX  
NAMA AHLI TAP : **YARING B. YANGGOI**  
164) NO. AKAUN TAP : 300000447  
NO. KAD PENGENALAN : 00-027XXX  
NAMA AHLI TAP : **YUNUS B BUNTAR**  
165) NO. AKAUN TAP : 300186308  
NO. KAD PENGENALAN : 00-031XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**YUSOF B. MOHAMMAD**  
166) NO. AKAUN TAP : 300183189  
NO. KAD PENGENALAN : 00-003XXX  
NAMA AHLI TAP : **YUSOF B. TAMBAK**  
167) NO. AKAUN TAP : 300185996  
NO. KAD PENGENALAN : 00-009XXX  
NAMA AHLI TAP : **YUSSOF B. LAKIM**  
168) NO. AKAUN TAP : 300182820  
NO. KAD PENGENALAN : 00-041XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**AG. KANAK B. SERBINI**  
169) NO. AKAUN TAP : 300211981  
NO. KAD PENGENALAN : 00-026XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**AWG. BUJANG BIN JUMAT**  
170) NO. AKAUN TAP : 300201591  
NO. KAD PENGENALAN : 30-088XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**AWG. OMAR MUSTAPHA BIN ABDULLAH**  
171) NO. AKAUN TAP : 300229595  
NO. KAD PENGENALAN : 30-084XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**CHEONG CHOI CHENG**  
172) NO. AKAUN TAP : 300169967  
NO. KAD PENGENALAN : 00-006XXX  
NAMA AHLI TAP : **DAYANG BESAR BINTI HAJI OTHMAN @SI-AWANG**  
173) NO. AKAUN TAP : 300206596  
NO. KAD PENGENALAN : 00-016XXX  
NAMA AHLI TAP : **ESAL BIN TIKAS**  
174) NO. AKAUN TAP : 300205433  
NO. KAD PENGENALAN : 00-008XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. AHMAD B. H. MUHIDIN**  
175) NO. AKAUN TAP : 300182739  
NO. KAD PENGENALAN : 00-027XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. AHMAD B. YUSSOF**  
176) NO. AKAUN TAP : 300182617  
NO. KAD PENGENALAN : 00-004XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**H. METUSSIN B. LAKIM**  
177) NO. AKAUN TAP : 300183225  
NO. KAD PENGENALAN : 00-031XXX  
NAMA AHLI TAP : **H. OMAR B. BINI**  
178) NO. AKAUN TAP : 300186028  
NO. KAD PENGENALAN : 00-015XXX  
NAMA AHLI TAP : **HAJI AG. OTHMAN BIN METUSSIN / MATUSSIN**  
179) NO. AKAUN TAP : 300140764  
NO. KAD PENGENALAN : 00-016XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**HAJI SUBOHI BIN A. KADIR**  
180) NO. AKAUN TAP : 300204954  
NO. KAD PENGENALAN : 30-095XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**IBONG ANAK MANCHA**  
181) NO. AKAUN TAP : 300141705  
NO. KAD PENGENALAN : 00-025XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**MOHD. TAHIR BIN MAARUF**  
182) NO. AKAUN TAP : 300191195  
NO. KAD PENGENALAN : 00-004XXX  
NAMA AHLI TAP :  
**PG. HJ. HITAM BIN PG. MOMIN @ PG. HJ. TUA BIN PG. JAPAR**  
183) NO. AKAUN TAP : 300227893  
NO. KAD PENGENALAN : 30-081XXX  
NAMA AHLI TAP : **PUSOL AK DOLL**  
184) NO. AKAUN TAP : 300198696  
NO. KAD PENGENALAN : 00-016XXX  
NAMA AHLI TAP : **YASOP BIN YUJANG**

Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2382800 semasa waktu bekerja.

Kerjasama daripada ahli-ahli berkenaan adalah sangat dihargai.



# Operasi Sepadu serentak di seluruh negara



ANGGOTA Pasukan Polis Diraja Brunei memeriksa dokumen salah seorang pemandu.

Berita dan Foto : Nooratini Haji Abas

**JERUDONG**, Sabtu, 31 Mac. - Sebanyak 265 kesalahan kompaun dikeluarkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), 32 kes kesalahan di bawah Akta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), 26 kes kesalahan di bawah Akta Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), tujuh kes kesalahan di bawah Akta Biro Kawalan Narkotik (BKN) serta 21 kes di bawah kesalahan Akta Bahagian Penguatkuasa Ugama (BPU) diperolehi secara keseluruhan sejak Operasi Sepadu yang dijalankan bermula 22 Mac hingga 31 Mac 2018.

Sehubungan itu, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) Daerah-Daerah PPDB dengan kerjasama JPD, JKED, BKN serta BPU menjalankan Operasi Sepadu serentak di keempat-empat daerah semalam.

Di Daerah Brunei dan Muara operasi tersebut diketuai oleh Pemangku Ketua Bahagian Operasi dan Penguatkuasa,

Timbalan Penguasa Polis (DSP) Awang Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah dan Ketua Unit Penguatkuasa, Penolong Penguasa Polis, JSKLL, Pengiran Omar Ali bin Pengiran Haji Manshor.

Objektif utama operasi tersebut adalah bagi menjalankan tanggungjawab dan memastikan undang-undang yang diperuntukkan ke atas agensi-agensinya yang terlibat dilaksanakan dan dipatuhi bagi mencapai matlamat bersama dalam membendung, mengesan dan membanteras kegiatan jenayah di negara ini.

Ia juga secara tidak langsung meningkatkan lagi kerjasama persahabatan di antara kesemua agensi penguatkuasaan dalam menjalankan bidang kuasa masing-masing.

Ketua Unit Penguatkuasa, Penolong Penguasa Polis, JSKLL, Pengiran Omar Ali semasa ditemui Pelita Brunei menjelaskan operasi mulai jam 10 malam melibatkan seramai 178 pegawai dan anggota dari kesemua agensi dan sebanyak lima lokasi sekatan jalan raya yang dibuat Di kawasan Brunei Muara.

Katanya, ia adalah untuk meningkatkan disiplin masyarakat mengenai perundangan dan mengurangkan kadar kemalangan lalulintas serta meningkatkan kepercayaan masyarakat secara positif akan undang-undang lalu lintas sama-sama mewujudkan keamanan, keselamatan dan kelancaran

pengguna jalan raya.

Dalam pada itu, PDB juga menasihatkan kepada orang ramai supaya akan sentiasa berwaspada

dan mematuhi undang-undang lalu lintas bagi mengelakkan tindakan undang-undang dijalankan ke atas mereka.



JABATAN Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) Daerah-Daerah Pasukan Polis Diraja Brunei dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Biro Kawalan Narkotik serta Bahagian Penguatkuasa Ugama menjalankan Operasi Sepadu serentak di keempat-empat daerah semalam.

## Kemalangan jalan raya ragut pemandu kenderaan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA**, Ahad, 1 April. - Kemalangan jalan raya di kawasan Lebuhraya Muara - Tutong menghala Bandar Seri Begawan (BSB) berdekatan Pusingan-U Meragang di sini meragut nyawa seorang pemuda berusia 37 tahun.

Balai Polis Muara telah menerima panggilan kecemasan menerusi talian 993 sekitar jam 5 petang dan menyatakan berlakunya kemalangan sebuah kereta dan pemandu yang berada di dalam kenderaan tersebut didapati tidak sedarkan diri.

Akibat daripada pelanggaran tersebut, kereta mangsa telah terbakar, walau bagaimanapun, mangsa berjaya dikeluarkan dari kenderaan dan segera dikejarkan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Mangsa kemudian disahkan meninggal dunia dan punca kemalangan masih dalam siasatan.

Hasil siasatan pasukan polis mengesahkan bahawa pemandu yang terlibat merupakan warganegara tempatan, Mohd. Awang Alihabbil bin Dato Paduka Haji Awang Wahab.

Turut memberikan bantuan di tempat kejadian adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat serta orang ramai.



RANGKA kereta mangsa kemalangan yang berlaku di Kawasan Lebuhraya Muara - Tutong menghala Bandar Seri Begawan berdekatan Pusingan-U Meragang, Muara.

## Leakside Jokerz johan BPS



KETUA Pegawai Operasi, Perkhidmatan Teknikal Diraja Brunei (RBTS), Leftenan Kolonel (B) Haji Salleh bin Haji Suhaili bergambar ramai bersama para pemenang Kategori Terbuka terdiri daripada Pasukan Raptors, Pasukan Leakside Jokerz dan Pasukan Satu.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto: Azmah Haji Ahmad

**JERUDONG**, Ahad, 1 April. - Pasukan Leakside Jokerz muncul johan setelah berjaya menewaskan Pasukan Raptors di Kejohanan Brunei Paintball Series 1 (BPS) bagi Kategori Terbuka yang diadakan di Paintball Arena @ Jerudong (PAJ).

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Satu apabila tumpas bertemu dengan Pasukan Leakside Jokerz dan Pasukan Raptors diawal perlawanan dengan format secara 'round robin'.

Bagi Kategori Divisyen 5 atau Novice dimenangi oleh Pasukan UBD Panthers, naib johan diberikan kepada Pasukan Raptors D5 dan tempat ketiga Aegis Rangers.

Majlis penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi, Perkhidmatan Teknikal Diraja Brunei (RBTS), Leftenan Kolonel (B) Haji Salleh bin Haji Suhaili.

Kejohanan BPS 1 2018 anjuran PAJ itu disokong oleh Jabatan

Belia dan Sukan (JBS) dan Persatuan Paintball Kebangsaan Brunei Darussalam (PANTAS) merupakan siri pertama perlawanan bagi tahun ini.

Perlawanan adalah sebahagian dari usaha bagi meningkatkan dan memajukan lagi sukan paintball di negara ini yang mana pihak PAJ telah pun melaksanakan berbagai-bagai langkah termasuk mengurangkan harga permainan paintball bagi setiap individu, menyediakan keahlian tahunan bagi pelajar dan individu dengan harga yang menarik serta mengadakan promosi harga permainan paintball.



# Fun Night Ride buka tirai program MKC



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (tengah) semasa meninjau Bazar Jualan sempena Program Mengkubau Ku Ceria (MKC) anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Awang Iswandy semasa hadir pada program MKC.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Photos: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MENKUBAU**, Sabtu, 31 Mac.- Fun Night Ride yang merupakan acara berbasikal pada waktu malam membuka tirai program Mengkubau Ku Ceria (MKC) anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau telah mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Perlepasan acara Fun Night Ride yang bermula dan berakhir di Taman Riadah, Bukit Mengkubau Jalan Tanjong Selasih, RPN Panchor Mengkubau telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Terdahulu, Ketua Biro Belia dan Sukan, MPK RPN Panchor Mengkubau, Awang Rosman bin Mohamad dalam ucapan

alu-aluannya antara lain berkata, acara Fun Night Ride kerap kali dianjurkan sebagai perisian aktiviti-aktiviti yang diungkuhkan oleh MPK RPN Panchor Mengkubau seperti Karnival Mengkubau dan Bazar Hujung Minggu.

Menurutnya, pelbagai aktiviti telah disusun bagi memeriahkan program MKC selama dua hari tersebut antaranya Senam Sihat, Walkaton, Mengkubau Strongest Youth, Arm Wrestling serta Bazar Jualan.

MPK RPN Panchor Mengkubau ditubuhkan secara rasmi pada 29 Mei 2016, yang mana antara lain bertujuan untuk berganding bahu bersama pemimpin akar umbi dalam memajukan kampung.



YANG Berhormat semasa menyempurnakan perlepasan acara Fun Night Ride yang bermula dan berakhir di Taman Riadah, Bukit Mengkubau Jalan Tanjong Selasih, RPN Panchor Mengkubau.

# Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24, 8 April ini

Berita dan Foto :  
Ihsan Haji Othman Haji Aliassan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 31 Mac. - Sebanyak kira-kira 11 kategori akan dipertandingkan pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24, 2018 pada Ahad, 8 April 2018 ini.

Acara Lumba Perahu tersebut akan diadakan pada jam 8.00 pagi di Kompleks Sukan Air Serasa, Muara.

Sementara itu, sebanyak kira-kira 23 buah pasukan terdiri dari kementerian-kementerian, syarikat-syarikat swasta, kampung-kampung dan pasukan Peguam-Peguam & Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bakal berentap pada kejohanan itu nanti.

Mesyuarat dan taklimat serta undian bagi pengurus-pengurus pasukan yang bakal mengambil bahagian pada kejohanan lumba perahu tersebut telah diadakan kelmarin di Kompleks Sukan Air Serasa, Muara.

Mesyuarat tersebut telah dimulai dengan ucapan dan penerangan daripada Yang Di-Pertua Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Haris bin Haji Ibrahim.

Sementara itu, Taklimat Hal Ehwal Keselamatan pula disampaikan oleh Pegawai Bomba dan Penyelamat, ASTR Awang Mushidee bin Junaidi. Manakala Taklimat Syarat dan Peraturan Teknikal disampaikan oleh Awang Haji Yahya bin Kassim.

Pada mesyuarat tersebut turut diselenggarakan dengan undian lorong dan perahu bagi pasukan-pasukan yang mengambil bahagian. Kategori yang bakal dipertandingkan pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24, 2018 antaranya ialah 25 Pekayuh Terbuka Tempatan, 10 Pekayuh Jemputan Swasta, 20 Pekayuh Antara Kementerian, 15 Pekayuh Campuran Terbuka Tempatan, 10




JAWATANKUASA Mesyuarat Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24, 2018 semasa bergambar ramai.

Pekayuh Terbuka Tempatan, 15 Pekayuh Pasukan Peguam- Pekayuh Campuran Terbuka  
Pekayuh Jemputan Swasta, 15 Peguam & Undang-Undang Tempatan dan 30 Pekayuh  
Pekayuh Antara Kementerian, 15 Negara Brunei Darussalam, 10 Maraton Terbuka Tempatan.



# Golf Amal kumpul dana bantu Pusat Ehsan



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud menyempurnakan penyampaian piala rebutan kepada Awang Johari bin Haji Ahmad pada Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-16, 2018 (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad menyerahkan sumbangan kepada Pemegang Amanah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Haji Mohd. Yusof.

Seramai 280 pemain menyertai kejohanan kali ini dan telah berjaya meraih dana kira-kira BND45,000 yang mana akan disumbangkan bagi menyokong kanak-kanak berkeperluan khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam termasuk perbelanjaan bulanan dan pelan pembangunan pusat berkenaan.

Pada majlis itu, pusat berkenaan turut menerima sumbangan daripada beberapa penaja utama Kejohanan Golf Amal antaranya Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei, Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd., Brunei Press Sendirian Berhad, Daelim Industrial Co Ltd, GHK Motors Sendirian Berhad, IBA Petrol Station, NBT (Brunei) Sdn. Bhd. dan Buildmix Trading.

Selain hadiah kejohanan para pemain juga berpeluang merebut hadiah cabutan bertuah yang menawarkan berbagai hadiah barangan elektrik dan elektronik serta beberapa hadiah menarik lain.

Pusat Ehsan merupakan sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan yang ditubuhkan bukan untuk mendapatkan keuntungan tetapi untuk mendapatkan dana sepenuhnya daripada derma dan sumbangan daripada masyarakat.

Selain itu, pusat tersebut juga sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa di bawah jagaan pusat tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 April. - Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-16, 2018 yang berlangsung selama tiga hari sejak 30 Mac lalu berakhir hari ini dengan menyaksikan kehebatan Awang Johari bin Haji Ahmad muncul juara 'Overall Gross' dengan 71 pukulan sekali gus membawa pulang piala rebutan dan wang tunai.

Naib juara disandang oleh Awang Seruji bin Haji Setia

dengan 73 pukulan dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Khairul Kamis dengan 75 pukulan.

Kategori 'Overall Net' pula dimenangi oleh Awang Suhaimi bin Ibrahim diikuti Arith Maldini bin Haji Majid dan Awang Haji Khairul Jamaluddin tempat kedua dan ketiga.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang masing-masing disempurnakan

oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah yang berlangsung di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei, di sini.

Sementara itu, dalam Kategori Division 'A', 'B' dan 'C' Nett

masing-masing dijuarai oleh Kolonel Zahrin bin Haji Zunaidi, Awang Ahmad Munadi dan Wilson Lau.

Awang Hariel bin Haji Simpol pula memenangi Kategori Senior Nett, manakala Almas Syadzwanie dan Agnes Hiu masing-masing menjuarai Kategori Ladies Gross dan Ladies Nett.

Manakala dalam Kategori VIP dan Penaja pula dimenangi oleh Menteri Pertahanan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin

## Indera SC juara Piala FA Brunei DST 2017



PARA pemain dan pengurus pasukan Indera SC menjulang piala pusingan setelah menjuarai Piala FA Brunei DST 2017(kiri), manakala gambar kanan, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali bergambar kenangan bersama pasukan Indera SC dan MS PDB pada Perlawanan Akhir Piala FA Brunei DST 2017 di Kompleks Sukan Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 April. - Indera SC merangkul juara Piala FA Brunei DST 2017 apabila menewaskan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) 2-0 pada perlawanan akhir liga berkenaan di Kompleks Sukan Berakas malam tadi.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Irwan bin Haji Hambali.

Indera SC membawa pulang wang tunai berjumlah BND7,000 berserta piala dan medal manakala

MS PDB membawa pulang hadiah wang tunai BND5,000 berserta trofi dan medal.

Pada perlawanan akhir tersebut, Indera SC memperoleh gol pertamanya melalui jaringan pemain jersi 16, Awang Md. Zulkhairi bin Razali pada minit ke-37.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Manakala pada minit ke-55, pemain jersi 7, Awang Md. Asri bin Haji Aspar menjanginkan gol kedua bagi Indera SC. Piala FA Brunei DST 2017

dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam dengan DSTCom Sendirian Berhad sebagai penaja utama.



# Sukan

## INFO SUKAN

LEMPAR cakera ialah acara lontaran yang mula-mula dicipta sebagai acara sukan. Setiap peserta akan melakukan lemparan kali pertama dengan hanya menggunakan sebelah tangan manakala lemparan kali kedua peserta akan menggunakan sebelah tangan yang belum digunakan lagi. Cakera ini diperbuat daripada kepingan kayu tebal yang berbentuk bulat, leper, dan dibaluti besi di sekelilingnya, serta dimasukkan timah hitam seberat 1.923 kilogram pada bahagian tengah dan menghampiri 2 kilogram untuk atlet lelaki.



ePaper Pelita Brunei

## Mukim Saba juara maraton Acara Lumba Perahu Tradisi



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada Mukim Saba selaku juara Kategori 25 Pekayuh Tradisi / Fiberglass Terbuka Maraton 2,500 Meter sempena Acara Lumba Perahu Tradisi anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kota Batu, Pintu Malim dan Sungai Lampai dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara 2018 sempena Cuti Penggal Persekolahan dan Bandarku Ceria (kiri). Manakala gambar kanan, antara aksi para pekayuh semasa Acara Lumba Perahu Tradisi tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 April. - Mukim Saba menjulang juara bagi 25 Pekayuh Tradisi / Fiberglass Terbuka Maraton 2,500 Meter sementara Pasukan Tamoi Bersatu dan Lela Cheteria masing-masing menyandang naib juara dan tempat ketiga pada Acara Lumba Perahu Tradisi.

Bagi 15 Pekayuh Tradisi Belia

Mukim 1,800M dijuarai oleh Mukim Tamoi, Mukim Burong Pingai dan Mukim Saba masing-masing mendapat naib juara dan tempat ketiga.

Sementara itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pula muncul juara bagi 20 Pekayuh Fiberglass Plat Race 1800M manakala Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula menyandang naib juara dan tempat ketiga.

Manakala Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menjadi juara bagi 20 Pekayuh Fiberglass Pengajian Tinggi 1,000M, UBD dan UNISSA masing-masing pula dapat tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang perlumbaan di Dermaga Diraja, di ibu negara ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Acara Lumba Perahu Tradisi tersebut dianjurkan oleh Majlis

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah  
Pg. Osman

Perundingan Kampung (MPK) Kota Batu, Pintu Malim dan Sungai Lampai dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara 2018 sempena Cuti Penggal Persekolahan dan Bandarku Ceria.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa memberikan kata-kata semangat dan nasihat kepada kontinjen negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 April. - Para atlet Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Ke XXI 2018 di Gold Coast, Australia diseru agar mempunyai semangat juang yang tinggi, memiliki semangat profesional dan kompetitif serta berbangga mengibarkan bendera negara pada kejohanan tersebut nanti.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin melahirkan seruan tersebut ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei selepas mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

"Kita sangat berbangga kerana Negara Brunei Darussalam menyertai dalam Sukan

## Miliki semangat juang, profesional serta kompetitif

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

Komanwel kali ini. Saya percaya, pemilihan para atlet ke sukan ini adalah berdasarkan kepada prestasi dan potensi mereka untuk bertanding dengan atlet-atlet daripada 52 buah negara pada Kejohanan Komanwel kali ini," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, apa yang diharapkan kepada para atlet negara adalah mereka patut berbangga kerana mewakili Negara Brunei Darussalam dan mereka perlu sentiasa ingat bahawa mereka membawa bersama Bendera Negara Brunei Darussalam sepanjang dua minggu menyertai kejohanan berkenaan. Untuk itu jelasnya, mereka perlu menunjukkan calak-calak KeBruneian kerana apabila mereka berpegang kepada calak-calak tersebut maka mereka akan mempunyai rasa semangat yang tinggi.

Para atlet tambah Yang Berhormat, juga telah melalui latihan-latihan yang intensif dan untuk itu, mereka perlu mempunyai rasa yakin untuk bersaing dalam cara yang

kompetitif dan profesional serta mempunyai semangat juang yang tinggi.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai oleh lapan atlet dan empat pegawai termasuk Chef de Mission, pegawai urus setia, pengurus pasukan dan jurulatih.

Pada kesempatan itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut memberikan kata-kata semangat dan juga nasihat kepada kontinjen negara sebelum mereka berlepas.

Sementara itu, Mejar (B) Md. Talip bin Md. Tahir selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel tersebut ketika ditemui menyatakan persiapan para atlet menghadapi Sukan Komanwel ini memandangkan ia merupakan sukan bertaraf dunia dengan persaingan daripada negara-negara luar khususnya negara-negara yang sudah berkembang dan utuh.

Tegasnya, ia merupakan satu cabaran bagi atlet negara untuk mencapai ke tahap yang lebih tinggi dan beliau berharap para atlet mempunyai semangat juang yang tinggi dalam setiap perlawanan dan tidak mengaku kalah sebelum berlawan.

Kejohanan Sukan Komanwel Edisi Ke-21 ini akan diadakan mulai 4 hingga 15 April 2018 dan Kontinjen Negara Brunei Darussalam akan hanya menyertai satu acara sukan sahaja iaitu boling padang.

Kejohanan Sukan Komanwel itu merupakan kejohanan pelbagai sukan antarabangsa yang diadakan setiap empat tahun dengan melibatkan atlet-atlet dari negara-negara Komanwel dan dianjurkan oleh Commonwealth Games Federation (CGF).

Edisi Sukan Komanwel sebelum ini diadakan pada tahun 2014 di Glasgow, Scotland.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**TINGKATKAN KEWASPADAAN SEMASA MEMANDU DI JALAN RAYA**

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.